



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

#### PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

#### PENGGAL KETIGA

*Third Session*

**Jilid III      Bil. 15      Hari Isnin      11hb Disember, 1989**

#### KANDUNGANNYA

|  |              |
|--|--------------|
| MENGANGKAT SUMPAH:<br>Y.B. Puan Valli Muthusamy  | (Ruangan 1)  |
| PEMASYHURAN TUAH YANG DI-PERTUA:<br>Memperkenankan Akta-akta   | (Ruangan 1)  |
| Mengangkat Sumpah di luar Dewan:<br>Y.B. Tuan Wong Kie Yik<br>Y.B. Tuan Chong Chi Sioog<br>Y.B. Tuan David Yeoh Eng Hock                             | (Ruangan 2)  |
| Mengalu-alukan Ahli-Ahli Baru  | (Ruangan 2)  |
| Perutusan daripada Dewan Rakyat  | (Ruangan 3)  |
| URUSAN MENSYUARAT  | (Ruangan 4)  |
| JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN   | (Ruangan 5)  |
| USUL:<br><br>Ucapan Tahniah dan Lafaz Ikrar Taat Setia Dewan<br>dipersembahkan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda<br>sebagai Yang di-Pertuan Agong | (Ruangan 39) |
| RANG UNDANG-UNDANG:<br>Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan(1988 dan 1989)(No.2)   | (Ruangan 62) |
| Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan)   | (Ruangan 85) |



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Isnin, 11hb Disember, 1989**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**MENGGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Valli Muthusamy.

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989;
2. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989;
3. Akta Bank Negara Malaysia, Kawalan Pertukaran Wang, Insurans dan Takaful (Pindaan) 1989;
4. Akta Pertaruhan (Pindaan) 1989;
5. Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1989;
6. Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1989;
7. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1989; dan
8. Akta Pendaftaran Juruukur Bahan (Pindaan) 1989.

**MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Dewan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan mengikut kehendak Jadual Keenam dalam Perlembagaan:-

1. Tuan Wong Kie Yik pada 25hb Ogos, 1989;
2. Tuan Chong Chi Siong pada 25hb Ogos, 1989; dan
3. Tuan David Yeoh Eng Hock pada 19hb Oktober, 1989.

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua;** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah, mengangkat Sumpah di hadapan saya pada tarikh-tarikh yang dinyatakan itu. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik, dipilih dan dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya serta semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang. Dipersilakan.

**[Setiausaha membacakan Perutusan]**

26hb Oktober, 1989

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No.2); dan
4. Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan).

Yang ikhlas,

**t . t .**

**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.**

## URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) (No.2); dan
4. Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****USTAZ ASHAARI PEMIMPIN AL-ARQAM - BANTUAN KEWANGAN**

1. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada beliau sedar yang orang-orang Al-Arqam meminta bantuan kewangan dari orang-orang kenamaan serta hartawan termasuk Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri untuk membantu perbelanjaan Ustaz Ashaari Mohamed, Pemimpin Agong Al-Arqam yang berada di luar negara sejak dua tahun tidak balik ke Malaysia. Jika sedar, adakah Kementerian Kebajikan Masyarakat bercadang untuk memasukkan Ustaz Ashaari Mohamed, Pemimpin Agong Al-Arqam dalam senarai penerima bantuan seperti orang susah yang lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak sedar adanya kegiatan yang berkenaan. Sekian.

**KURSUS KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN**

2. **Puan Hajjah Habidah binti Yusof** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa terdapat kebanyakan pegawai-pegawai Kerajaan atau badan-badan berkanun tidak cekap bekerja disebabkan:

- (a) sistem latihan tidak berkesan;
- (b) tiada kajian semula setelah kursus tentang kerja seseorang, pegawai oleh pihak atasan atau pemberi kursus;
- (c) pegawai atasan tidak mengerti kerja pegawai bawahan dan tidak ada cara melatih pegawai atasan ke arah itu; dan
- (d) pegawai atasan yang baru sesuaikah diberi kerja-kerja sebagai buruh dahulu kemudian office boy/kerani barulah diberi bilik sebagai seorang pegawai.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan bahawa kebanyakan pegawai-pegawai Kerajaan dari badan-badan berkanun tidak cekap. Mungkin ada segelintir yang lemah dan tidak cekap tetapi bukan kebanyakannya.

Kerajaan sedar bahawa latihan dan pengalaman kerja adalah penting. Sebab itu INTAN telahpun ditubuhkan bagi menjalankan latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Hari ini, INTAN mempunyai 8 kampus termasuk kampus induk di Bukit Kiara. Kampus baru di Labuan akan dibuka pada 1990. Bilangan pegawai dan kakitangan INTAN hari ini adalah lebih daripada 400 orang. Budget INTAN bagi tahun 1989 ialah \$20.0425 juta.

Institut Tadbiran Awam Negara atau INTAN, sebagai institusi latihan utama perkhidmatan awam, telah melatih lebih daripada 200,000 anggota perkhidmatan awam sejak penubuhan institut itu pada tahun 1972. Pada masa sekarang, INTAN menjalankan hampir 500 kursus setahun untuk kira-kira 20,000 anggota. Kerajaan dari pelbagai kategori.

Segala program dan kegiatan latihan bertujuan memenuhi keperluan semasa perkhidmatan dan negara. Di samping itu juga perubahan-perubahan perlu dibuat terhadap program latihan dari masa ke semasa bagi menghadapi perkembangan persekitaran dalam negara dan di suasana antarabangsa. Dengan cara **ini**, sebarang aktiviti latihan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan adalah relevan dan 'up-to-date', dengan izin.

Keberkesanan sesuatu kursus bergantung atas banyak faktor. Pada keseluruhannya kursus-kursus yang dianjurkan memberi kesan baik dan faedah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan.

Di samping tanggungjawab tertentu, pegawai-pegawai atasan Kerajaan mengawasi kerja pegawai-pegawai bawahan. Saya percaya mereka faham kerja-kerja itu.

Adalah difikirkan cara melatih pegawai hari ini adalah sesuai. Latihan ini termasuklah juga penempatan pegawai-pegawai Kerajaan di syarikat-syarikat swasta.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menganjurkan kursus-kursus pendek melalui INTAN berkenaan dengan urusan moden pentadbiran Kerajaan untuk Ahli-ahli Parlimen?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, bidang Parlimen terjatuh dalam bidang kuasa yang lain. Jadi, saya ingat, percaya kalau Ahli-ahli Parlimen membuat permohonan kepada Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara ini boleh diaturkan dan, insya Allah, Kerajaan bersedia membantu dalam bidang. Terima kasih.

**Dato Chan Choong Tak:** Adakah sistem kenaikan pangkat yang ber-ada sekarang mempengaruhi kecekapan pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai yang berkenaan?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sistem kenaikan pangkat yang ada sekarang adalah sebagaimana juga yang diamalkan di tempat-tempat yang lain iaitu Kerajaan memberi pertimbangan kepada kemampuan, kecekapan dan juga kegigihan seseorang pegawai itu. Saya percaya dengan adanya sistem yang kita adakan ini maka ianya memberi kesan yang baik dalam usaha-usaha

kita. Walau bagaimanapun, sebagaimana saya katakan di mana-mana Jabatan, baik pun di dalam Kerajaan mahu pun di swasta, saya percaya kita sentiasa melihat ada ruangan-ruangan untuk diperbaiki. Saya percaya kita akan cuba cari peluang supaya di mana ada ruangan untuk diperbaiki dibaikkan perkhidmatan kita akan cubakan tingkatan. Inilah usaha-usaha yang dibuat melalui institut latihan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan.

#### PEMANDU PELANCONG - KURSUS LATIHAN

3. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah rancangan untuk menganjurkan latihan secara intensif bagi Pemandu Pelancongan di negara ini.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

**[Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, sukaiah dimaklumkan bahawa Kursus Latihan Asas Pemandu Pelancongan yang dijalankan sekarang ini sememangnya merupakan satu kursus yang mendalam dan intensif.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat berkenaan pemandu pelancongan di negara ini. Apakah kelayakan yang diperlukan untuk seseorang yang ingin menjadi pemandu pelancongan?

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kelayakan seperti yang ditanyakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, kelayakan-kelayakan yang diperlukan, pertamanya ialah latarbelakang pemohon ini sendiri sama ada mereka berminat untuk menjadi sebagai seorang pemandu pelancongan. Di samping itu, pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan juga menetapkan supaya mereka menentukan terlebih dahulu bidang apa yang mereka ingin menceburi. Kalau upamanya, dari segi bahasa maka mereka mestilah sekurang-kurangnya mengetahui secara asas bahasa-bahasa yang mereka hendak

mencebori. Itu kalau dari segi bahasa umpamanya, kita ada kursus-kursus dalam bahasa Jepun, bahasa Peranchis dan bahasa Jerman. Di samping itu, dari segi pemandu pelancongan mereka mestilah mempunyai kelayakan akademik, sekurang-kurangnya sekarang ini ialah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan latarbelakang yang saya maksudkan mereka mungkin dikehendaki mempunyai pengalaman bekerja syarikat-syarikat pelancongan.

#### **IMEJ MALAYSIA DI LUAR NEGERI**

4. **Cik Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah tingkatan kejayaan yang telah didapati setelah Persidangan CHOGM berakhir dari segi:

- (a) meningkatkan imej negara Malaysia di mata dunia;
- (b) peningkatan hubungan dua hala serta Ekonomi Negara Malaysia dengan negara-negara anggota Komanwel; dan
- (c) sokongan anggota Komanwel di atas pelaksanaan undang-undang penyalahgunaan dadah yang diamalkan oleh negara Malaysia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi CHOGM telah meningkatkan imej Malaysia kerana ia telah mendedahkan kepada para delegasi dan wartawan asing kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia. Mereka kagum dengan pembangunan pesat di negara ini dan ramai yang tidak menyangka bahawa Malaysia telah mencapai tahap pembangunan ekonomi yang begitu tinggi. Ramai di antara mereka

ingin tahu akan "rahsia" pencapaian kita itu. Imej Malaysia juga telah dipertingkatkan oleh pendirian kita mengenai isu-isu antara-bangsa yang dibincangkan seperti apartheid, alam sekitar, Kampuchea, dadah dan sebagainya, telah dapat meningkatkan lagi penghormatan negara-negara asing terhadap pendirian kita. Dan inilah sebabnya maka Y.A.B. Perdana Menteri telah dilantik untuk mempengerusikan Jawatankuasa Tertinggi Komanwel ataupun, dengan izin, "Commonwealth High-Level Appraisal Group" yang ditugaskan untuk mengkaji peranan-peranan masa depan Komanwel; dan pemilihan Malaysia juga untuk menganggotai Jawatankuasa Menteri-menteri Luar Komanwel Mengenai Afrika Selatan. Kejayaan kita mengendalikan CHOGM dengan licin, kemas dan teratur juga membantu mempertingkatkan imej Malaysia. Ini telah diakui sendiri oleh Setiausaha Agung Komanwel dan beberapa orang Ketua-ketua Kerajaan asing umum dan secara peribadi kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan kepada pihak Menteri dan saya sendiri.

Dari segi hubungan dua hala pula, CHOGM telah memberi peluang untuk kita mempereratkan hubungan dengan negara-negara Komanwel yang lain. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berpeluang bertemu dengan Ketua-ketua Kerajaan yang menghadiri CHOGM itu untuk berbincang soal-soal hubungan dua hala. Pertemuan dan perbincangan dengan mereka telah membuahkan berbagai cadangan kerjasama di berbagai bidang yang boleh dilakukan untuk mempertingkatkan hubungan dua hala kita dengan negara-negara berkenaan. Satu perkara yang saya anggap penting ialah CHOGM telah memberi peluang kepada kita untuk mempereratkan siratul-rahim dengan negara-negara Caribbean dan sesetengah negara di Afrika dan Pasifik Selatan.

Mengenai undang-undang penyalahgunaan dadah, CHOGM tidak membincangkan soal-soal dalam negeri negara-negara anggotanya. Sungguhpun begitu, dari perbincangan atag tajuk **itu**, nyata kepada kita bahawa semua negara memandang berat atas perkembangan-perkembangan terakhir akibat dari perniagaan dan penyalahgunaan dadah dan ramai Ketua-ketua Kerajaan yang menyokong diadakan hukuman-hukuman yang lebih berat kepada pengedar-pengedar dadah. Atas kepercayaan inilah maka CHOGM Kuala Lumpur mengalu-alukan perlaksanaan Skim Bantuan Bersama Komanwel Mengenai Soal-soal Jenayah ataupun dengan izin, Commonwealth Scheme for Mutual Assiatance in Criminal Matters sebagai salah satu cara membanteras masalah ini.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kami mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Luar Negeri dan Menteri serta Timbalan Menterinya di atas kejayaan CHOGM kerana Kementerian inilah yang memainkan peranan penting selain daripada Kementerian-kementerian berkenaan yang lain.

Soalan saya adakah hubungan kita dengan Britain terjejas atas angkara mengenai Deklarasi Apartheid yang telah dibuat oleh Margaret Thatcher?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, hubungan dua hala kita dengan Great Britain tidak terjejas walaupun Perdana Menteri Great Britain berpendapat ataupun membuat pendirian yang berasingan dengan lain-lain ketua-ketua Kerajaan yang bersidang di CHOGM yang baru lepas.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, apakah perjanjian baru berkaitan dengan perdagangan pertukaran kemahiran teknologi dan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di negara-negara Komanwel hasil daripada persidangan CHOGM?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perjanjian mengenai tawaran tempat pelajaran bagi penuntut-penuntut tidak dibuat secara KHUSUS selepas CHOGM tetapi diadakan secara dua hala dari masa ke semasa di antara negara-negara dalam Komanwel.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana menjayakan persidangan CHOGM. Saya ingin mendapat tahu apakah sebab Ahli-ahli Dewan Negara tidak dapat jemputan untuk menghadiri pembukaan dan penutup persidangan itu?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tempat persidangan itu agak terhad dan jumlah yang perlu dijemput itu terlampau ramai hanya memadailah pihak Urusetia menjemput Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Negara sendiri sebagai mewakili Ahli-ahli Dewan Negara yang lain yang tidak ada tempat duduk dijemput bagi semua.

#### JALAN KEMAMAN-LEBUHRAYA KARAK - MELEBARKAN

5. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa jalanraya di antara Kemaman ke Lebuhraya Karak Pahang adalah kecil dan banyak selekoh-selekoh yang merbahaya menyebabkan banyak kemalangan berlaku pada tiap-tiap tahun hingga membawa maut. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang membesarkan jalan tersebut dengan mengadakan jalan dua hala dari Kemaman, Terengganu terus ke Kuala Lumpur demi keselamatan pengguna-pengguna jalanraya. Jika tidak berikan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Iuhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, jalan dari Kemaman ke Lebuhraya Karak Pahang telah dipulih dan dilebarkan kepada 24 kaki pada tahun 1986. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu lagi projek iaitu melebarkan jalan dari Kuantan ke Gambang kepada jalan berkembar telah diluluskan di bawah Perjanjian Bank Dunia dan akan dilaksanakan pada tahun 1990.

Manakala selekoh berbahaya di Maran akan diperehlokkan pada tahun 1990. Kementerian juga telahpun menyiapkan rekabentuk projek lencongan Karak dan berharap pembinaannya boleh dimulakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Dengan siapnya tiga projek tersebut adalah diharapkan jalan dari Kemaman, Terengganu terus ke Kuala Lumpur akan lebih selamat dan selesa kepada pengguna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengguna-pengguna juga dinasihatkan harus berhati-hati di dalam menggunakan jalan-jalan ini bagi mengelakkan daripada berlakunya kemalangan nanti.

#### TAHANAN PULAU JEREJAK - MEMINDAHKAN

6. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan Pusat merancang untuk memindahkan tahanan Pulau Jerejak ke tempat lain untuk membolehkan Pulau ini dijadikan kawasan perumahan dan perindustrian.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan Pusat belum ada rancangan untuk memindahkan orang-orang tahanan di Pulau Jerejak ke tempat-tempat lain,

**Dato Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada keamanan yang telah dicapai di negara kita adakah Kerajaan merancang untuk membatalkan kesemua tempat-tempat tahanan di negara kita?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham maksud Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa keamanan negara sudah begitu baik kerana walaupun kita telah menandatangani perjanjian meletakkan senjata dengan PKM masalah-masalah jenayah lain masih lagi berleluasa.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, setakat sekarang apakah jenis-jenis orang tahanan yang dipenjarakan di Pulau itu dan berapakah bilangan orang-orang tahanan di Pulau itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang tahanan di Pulau Jerejak kebanyakannya adalah dibawah dengan izin, Emergency Ordinance dan yang kedua adalah Dadah Merbahaya dan untuk bilangannya saya mohonkan notis.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak ada peluang melawat tempat tahanan di Pulau Jerejak. Bolehkah Yang Berhormat menceritakan keadaan berkenaan dengan orang tahanan di Pulau Jerejak ini seperti kehidupan mereka di Pulau ini dan keselamatan mereka dan lain-lainnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, seeing is believing. Dengan sebab itu tolonglah minta Yang Berhormat menulis surat secara rasmi kepada Kementerian dan Kementerian akan mempertimbangkan untuk Yang Berhormat melawat Pulau Jerejak. [Ketawa]

**PENDUDUK MALAYSIA - JUMLAH**

7. **Tuan P. Balaram** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) berapa jumlah penduduk Malaysia pada masa ini;
  - (b) di antara mereka berapakah peratus penduduk yang telah mendaftarkan diri sebagai pengundi;
  - (c) di antara mereka berapa orangkah yang layak berdaftar tetapi belum berdaftar;
  - (d) mengapakah begitu ramai penduduk enggan berdaftar menjadi pengundi; dan
  - (e) apakah rancangan Kerajaan untuk menggalakkan semua rakyat Malaysia yang layak berdaftar menjadi pengundi dalam pilihanraya-pilihanraya akan datang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman**

**[Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]**: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan:

- (a) Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 1989, penduduk Malaysia adalah dianggarkan seramai 17,363,000 orang,
- (b) Berdasarkan kepada daftar pilih tahun 1989 yang belum disahkan adalah dianggarkan sebanyak 44.9% dari jumlah penduduk Malaysia telah mendaftarkan sebagai pemilih.

- (c) Berikutan dengan urusan pendaftaran yang telah dijalankan pada tahun 1989 adalah dianggarkan pada masa ini terdapat seramai 400,000 orang yang layak tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih.
- (d) Tidaklah diketahui dengan jelasnya sebab-sebab yang tepat mengapa warganegara yang layak tidak mendaftar sebagai pemilih. Walau bagaimanapun, sikap acuh tak acuh, kesibukan dengan tugas harian dan tidak berminat dengan perkembangan politik tanahair adalah di antara punca-punca yang menyebabkan perkara ini berlaku.
- (e) Salah satu cara yang menggalakkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam tahun 1989 ialah pendaftaran pemilih secara bersepadu atau besar-besaran dalam mana berbagi kaedah pendaftaran telah digunakan bagi memudahkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih. Dalam urusan tersebut seramai lebih kurang 650,000 orang telah mendaftar sebagai pemilih.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengapa pendaftaran pengundi tidak dapat dijalankan berterusan sepanjang tahun untuk menggalakkan lebih ramai lagi rakyat yang cukup umur untuk mendaftarkan **diri**.

Soalan tambahan kedua, berkaitan dengan masalah nama-nama pengundi didapati didaftarkan lebih daripada dua kali dalam senarai pengundi, bolehkah Suruhanjaya Pilihan menggunakan data base komputer supaya boleh memotong nama pengundi itu daripada senarai itu secara automatik kalau pendaftaran baru sudah didapati. Maksud saya, yang lama itu mesti dipotong secara automatik.

Yang ketiga, mengapa pengundi-pengundi yang sudah mati masih didapati namanya dalam senarai pengundi yang dipamerkan?

**Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita berpendapat bahawa cara kita mendaftarkan pengundi adalah boleh dikatakan memuaskan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan masih mengkaji tentang soalan untuk mengadakan pendaftaran sepanjang tahun.

Mengenai nama-nama pengundi yang telah didaftarkan lebih dua kali, ini disebabkan oleh beberapa faktor, di antaranya ialah kesilapan teknikal dalam mendaftarkan pengundi-pengundi ini sama ada kesilapan dibuat oleh para pilihan itu sendiri mahupun pekerja-pekerja yang mendaftar pengundi-pengundi ini sama ada waktu mereka memasukkan nama-nama ini dalam komputer. Dan tentang sama ada boleh kita memotong nama-nama mereka secara automatik, memanglah ini dilakukan apabila satu nama itu telah diketahui bertindih maka nama yang pertama itu dipotongkan.

Tentang masih ada nama-nama dalam daftar pengundi sungguhpun orang itu tidak ada di dunia ini lagi, ini disebabkan oleh kerana tidak ada pengaduan ataupun laporan dibuat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya bagi memotongkan nama-nama ini sama ada daripada keluarga mereka ataupun orang-orang lain.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan setiap rakyat yang mencapai umur 21 tahun mendaftar dengan sendirinya?

**Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Perua, kita setakat ini belum ada cadangan untuk mendaftarkan ataupun mewajibkan mereka yang sudah cukup umur mendaftar sebagai pengundi oleh kerana kita mesti memikirkan daripada segi kesanannya ataupun akibat **perbuatan seperti ini**. Sebagai contoh, kalau kita mengatakan tiap-tiap seorang rakyat di negara ini wajib mendaftar sebagai pengundi, bermakna kalau mereka tidak mendaftarkan **diri**, ini merupakan satu kesalahan, satu offence. Bagaimanalah kita hendak mendaftarkan, mengetahui umpamanya orang Penan dalam Negeri Sarawak yang jauh dalam hutan itu pada hal mereka merupakan warnanegara Malaysia dan mereka tidak boleh ataupun tidak senang didaftarkan, tentu sekali merupakan satu kesalahan. Jadi, kita mesti memikir daripada segi **realiti dan praktikaliti**, dengan izin, cadangan seperti ini dan setakat ini belumlah ada cadangan bagi pihak Kerajaan untuk membuatkan pendaftaran ini sebagai satu perkara yang wajib.

#### WARNA BENDERA MALAYSIA DI LESEN MEMANDU

8. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa warna bendera yang terdapat di lesen memandu bentuk baharu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan tidak menunjukkan **ciri-ciri** warna bendera Malaysia. Jika sedar, apakah tindakan Kementerian untuk membetulkannya.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa cetakan warna bendera Malaysia di lesen memandu berbentuk baru yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan tidak timbul warna bendera Malaysia sebenar, ini adalah kerana sedikit masalah teknikal percetakan. Walau bagaimanapun, Jabatan Cetak Negara telah memperbaiki keadaan ini dan lesen memandu baru yang dikeluarkan mulai akhir bulan Oktober, 1989 telah menunjukkan ciri warna bendera Malaysia yang sebenar.

#### ORANG ASLI DALAM BORANG PENDAFTARAN KERAJAAN

9. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan iaitu di manakah kedudukan Orang asli di dalam Borang Pendaftaran Negara, Perniagaan dan lain-lain borang pendaftaran Kerajaan kerana pada ruangan menyatakan "Bangsa" hanya disebut perkataan-perkataan Melayu, Cina, India dan lain-lain.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan bangsa bagi Orang Asli di dalam borang pendaftaran Kerajaan dikategorikan di bawah lain-lain iaitu merujuk kepada lain-lain bangsa, selain daripada bangsa Melayu, Cina dan India.

#### BUKU PANDUAN TELEFON 1989

10. **Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Syarikat Telekom Malaysia tidak membekalkan buku Panduan percuma untuk tahun ini yang pada kebiasaannya buku ini dibekalkan pada tiap-tiap tahun. Tetapi pada tahun ini pengguna telefon masih belum diberi Buku Panduan Telefon tahunan tersebut.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Syarikat Telekom Malaysia telah tidak dapat mengeluarkan Buku Panduan bagi Tahun 1989 oleh kerana pihak kontraktor yang diberi kontrak untuk menerbitkannya menghadapi masalah urusan penyempurnaan kontrak.

Sebagai latarbelakang, dalam bulan Disember, 1986, Jabatan Telekom Malaysia pada masa itu telah menandatangani satu kontrak dengan General Telephne Directory Company Malaysia Bhd. untuk menerbit Buku Panduan Telefon selama lima tahun mulai tahun 1987 hingga tahun 1992. Pemberian kontrak ini dibuat atas satu bentuk bayaran royalti tahunan. Syarikat tersebut telah berjaya menerbit Buku Panduan bagi tahun 1987 dan 1988 sahaja.

Akan tetapi pada akhir tahun 1988, pihak General Telephone Directory Company memberitahu Syarikat Telekom Malaysia bahawa pihak GTDC tidak boleh lagi menerbit Buku Panduan Telefon atas terma kontrak yang sedia ada kerana ia akan mengalami kerugian besar. Beberapa perbincangan diadakan di antara kedua-dua pihak tetapi tidak berjaya mencapai sebarang persetujuan. Sementara itu, pihak STM telah cuba mencari jalan untuk menerbitkan Buku Panduan Telefon bagi Tahun 1989, tetapi oleh kerana kesuntukan masa, tidak berjaya membuat demikian.

Berikutan dengan itu, pihak STM telahpun mewujudkan sebuah anak syarikatnya sendiri yang dikenali sebagai Telekom Publicatons Sdn. Bhd. untuk mengendali penerbitan Buku Panduan Telefon di masa hadapan. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kerja-kerja dan persiapan untuk mengeluarkan Buku Panduan Telefon bagi Tahun 1990 sedang berjalan lancar. Pihak STM telahpun membuat pengumuman bahawa buku itu akan diedarkan kepada pengguna-pengguna menjelang pertengahan tahun hadapan.

Sementara itu pihak Kementerian telah meminta STM supaya mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengurangkan kesulitan yang bakal dialami oleh pengguna-pengguna.

Dalam hubungan ini, STM telahpun mengambil langkah berkenaan dengan meningkatkan kemudahan perkhidmatan PANTAS iaitu (Panduan Telefon Awam Segera) iaitu satu perkhidmatan pertanyaan panduan telefon berkomputer bagi membolehkan pertanyaan-pertanyaan pengguna dilayan dengan cepat.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan oleh kerana Buku Panduan Telefon tidak lagi diedarkan maka pengguna pengguna teleton menalifon '103' untuk mendapat pertolongan operator, Bahagian Pertanyaan. Untuk mengetahui nombor telefon sebuah syarikat ataupun nama-nama rakan mereka, ini bererti tenaga tambahan operator ditambah. Jadi, saya ingin tahu sama ada Kementerian yang berkenaan telah menambah operator untuk ditugaskan di bahagian itu. Sekian.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini penggunaan tenaga operator telahpun dipindahkan daripada pekerja kepada kemudahan teknologi yang baru iaitu komputer. Oleh yang demikian kalau Yang Berhormat dapat mengesannya maka pada keseluruhannya rata-rata ada dikurangkan bilangan tenaga pekerja. Tetapi ditampung pula sewajarnya dengan lebih cekap lagi dengan penggunaan komputer. Itu sebabnya saya merebut dalam jawapan tadi perkhidmatan pantas iaitu panduan teleton awam segera telah ditambah dari segi keupayaan dan sewajarnya mengatasi masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**KOD ETIKA PENYIARAN**

11. **Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Kod Etika Penyiaran yang perlu digunakan oleh semua badan-badan penyiaran, sesuai dengan Akta Penyiaran, dikuatkuasakan dengan menyatakan:

- (a) apakah garispuannya; dan
- (b) berapakah bilangan artis yang digantung penyertaan mereka dalam program-program RTM kerana tidak patuh kepada garispuan tersebut.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, (a) RTM telah sedia mempunyai garispuan untuk memastikan susunan dan kandungan rancangan-rancangan sesuai dengan keperluan masyarakat dan negara. Garispuan-garispuan tersebut meliputi garispuan penerbitan dan tata tertib yang mempunyai kod pakaian dan rambut bagi artis-artis lelaki dan wanita, garispuan penapisan dan etika dan kod pengiklanan. Garispuan-garispuan ini merangkumi semua perkara yang dibolehkan dan yang dilarang bagi siaran.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan suatu Jawatankuasa Kod Etika Penyiaran peringkat Menteri untuk mengawal rancangan Televisyen dan Radio yang dipengerusikan oleh Menteri Penerangan dan dianggotai oleh Menteri Pendidikan, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Menteri Belia dan Sukan dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa tersebut sudahpun menyediakan satu Kod Etika Penyiaran yang akan digunakan oleh semua Badan-badan Penyiaran baik Kerajaan ataupun swasta, sesuai dengan

Akta Penyiaran 1989 apabila Akta tersebut diimplemenkan kelak.

(b) Bagi pihak RTM, kalau ada artis yang tidak mematuhi garis-panduan penerbitan dan tata tertib persembahan di TV seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan, tindakan terpaksa diambil untuk mengecualikan mereka dari pertunjukan-pertunjukan tertentu sehingga mereka sanggup mematuhi garis panduan itu.

Semua artis yang ingin membuat persembahan telah dimaklumkan terlebih dahulu akan garis panduan dan kod etika serta tata tertib persembahan itu. Antara yang pernah dikecualikan adalah hanya penyanyi terlibat dalam penggunaan najis dadah.

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama setakat manakah kod etika yang dibenarkan, oleh pihak Kementerian Penerangan dan soalan kedua, setakat manakah kuasa Kementeraan Penerangan terhadap TV3 oleh kerana kita melihat TV3 ini lebih "lancar" daripada TV1 dan TV2 di bawah Kementerian Penerangan?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kod etika yang disusun oleh Kementerian ini adalah merupakan satu kod etika yang dapat diterima oleh semua pihak dan ia sebagaimana yang saya sebutkan tadi, ia mengandungi semua bentuk peraturan yang berhubung dengan soal-soal pakaian, perlakuan akhlak, peribadi dan sebagainya.

Panduan ini telahpun disusun dan telahpun diterima sebagai panduan kod etika yang diamalkan oleh pihak Kementerian Penerangan bagi hari ini.

Penyelewengan daripada pandangan ini adalah dianggap sebagai penyelewengan kepada kod etika yang telah disediakan itu.

Berhubung dengan setakat manakah kuasa Kementerian atas TV3, di sini saya suka hendak memaklumkan bahawa setakat hari ini pihak Kementerian Penerangan, walaupun Akta Penyiaran 1989 telahpun diluluskan oleh pihak Dewan yang mulia ini, tetapi dari segi pelaksanaannya, sebahagiannya tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana ia tertakluk kepada Akta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan apabila pengubahsuaian Akta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos itu pada sidang yang akan datang, maka insya Allah Akta Penyiaran 1989 akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, maka pada waktu itu kod etika yang kita susun ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya, bukan sahaja untuk TV/RTM tetapi juga termasuk TV3 sebagaimana yang dimaksudkan.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, adakah penyertaan artis-artis seperti Ramlah Ram dan Rahim Maaruf akan digantung dalam sebarang program RTM kerana mereka baru-baru ini sudah terlibat dengan kes khalwat dan juga telah didenda oleh Mahkamah Syariah?

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, menurut kod etika yang disediakan oleh Jawatankuasa Disiplin Para Artis Radio dan TV di Kementerian, memang kita sudah membuat cadangan bahawa pengawalan yang berdasarkan kepada kriteria akhlak adalah berpandukan kepada artis-artis yang tidak disabit dan dihukum di mahkamah awam dan yang kedua artis tidak disabit dan dihukum oleh mahkamah syariah.

Artis-artis tidak dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-peraturan Am Arahan Perkhidmatan Kerajaan. Itu tiga

perkara yang kita ambil kira, tetapi walau bagaimanapun perkara ini terserahlah kepada Jawatankuasa Kod Etika di peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri untuk menentukan sama ada artis-artis yang telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah tentang kesalahannya yang berhubung dengan akhlak patut diberhentikan buat sementara ataupun diteruskan.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, bahawa atas kod etika apakah lagu selingan Al-Hamdulillah yang ditunjukkan oleh RTM iaitu bunga dua kuntum yang menari-nari? Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di akhir-akhir ini memang kita berusaha untuk hendak meningkatkan lagi lagu selingan itu, lagu-lagu yang berbentuk patriotik yang melahirkan kasih sayang kepada negara, dan lagu-lagu yang berunsur agama seperti lagu-lagu Nama-nama Allah (Asmaul Husna), Selawat dan juga lagu-lagu Al-Hamdulillah. Dan sudah tentu setiap lagu yang kita siarkan itu membawa latarbelakang-latarbelakang yang kita fikirkan menarik dan dapat diterima oleh semua pihak.

Jadi, sekiranya ada latarbelakang lagu Al-Hamdulillah itu latarbelakang bunga yang sedang bergerak-gerak itu dianggap tidak sesuai oleh Ahli Yang Berhormat, pada hemat saya, itu adalah pandangan Ahli Yang Berhormat sendiri.

Walau bagaimanapun, kita sentiasa mendengar teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang dibuat oleh orang ramai untuk memperbaikinya lagi dari semasa ke semasa.

**KESELAMATAN PEKERJA DI TEMPAT PEKERJAAN**

12. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Buruh menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Buruh untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja di sektor pertanian dan perindustrian semasa mereka menggunakan bahan-bahan yang amat merbahaya atau toksid.

**Timbalan Menteri Buruh [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja di tempat-tempat pekerjaan, terutamanya berkaitan dengan penggunaan dan pengendalian bahan-bahan merbahaya atau toksid.

Bagi sektor perindustrian iaitu di kilang-kilang, di mana jentera digunakan, Akta Kilang dan Jentera, 1967 manberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Pemeriksa dari Jabatan Kilang dan Jentera menjalankan pemeriksaan ulangan dan mengejut serta mengenal pasti sebarang bahaya di tempat-tanpat pekerjaan dan seterusnya mendakwa pihak majikan atau mengarah mereka mengambil tindakan mencegah bahaya-bahaya tersebut. Di samping itu seminar, ceramah serta latihan mengenai cara-cara yang selamat dalam pengendalian bahan-bahan kimia juga dikendalikan oleh Jabatan Kilang dan Jentera dengan kerjasama daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Bagi sektor pertanian pula, satu kempen mengenai penggunaan racun perosak secara betul dan selamat telahpun dilancarkan sejak tahun 1984 dan latihan dan ceramah juga diadakan untuk Pegawai-pegawai Pengembangan Jabatan Pertanian, petani-petani dan pekerja-pekerja ladang oleh Jabatan Pertanian dengan kerjasama Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW), FELDA, FELCRA dan agensi-agensi yang lain.

Di samping itu, Jabatan Pertanian akan terus mengambil bahagian di dalam pameran di peringkat Negeri dan Persekutuan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang cara-cara mengendali dan menggunakan racun perosak dengan betul dan selamat. Poster, risalah serta selebaran mengenai keselamatan dalam pengendalian bahan-bahan racun perosak juga disebar kepada petani-petani dan pekerja-pekerja ladang.

Dari segi penguatkuasaan, Lembaga Racun Makhluk Perosak telah pun mengadakan satu peraturan untuk menentukan penglabelan dan penjualan racun makhluk perosak yang lebih selamat dan sedang mengkaji satu lagi draf peraturan bagi mengawal racun makhluk perosak yang amat berbisa atau toksid. Peraturan-peraturan ini merangkumi beberapa aspek kegunaan racun makhluk termasuk penyimpanan rekod dan penyediaan setor racun perosak, pakalan perlindungan pekerja, pemeriksaan kesihatan pekerja serta pengendalian racun perosak.

Adalah dirasai bahawa usaha pihak Kerajaan sahaja tidak mencukupi bagi mencegah kemalangan atau menjaga kesihatan di tempat-tempat pekerjaan kerana pihak majikan dan pekerja sendiri juga harus bertindak dan memberi kerjasama bagi memastikan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan diambil. Ini adalah melibatkan sikap yang bertanggungjawab daripada pihak majikan dan pekerja dalam mematuhi peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan. Bagi jangka panjang Kementerian Buruh sendiri sedang menggubal satu undang-undang baru bertujuan mengawal secara berkesan bahaya-bahaya pekerjaan secara lebih menyeluruh

**Dato' Chan Choon Tak:** Soalan tambahan. Berapakah bilangan orang yang luka atau mati akibat kemalangan yang berlaku daripada menggunakan bahan-bahan yang berbahaya atau toksid semenjak tahun 1984.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak ada angka-angka itu di sini. Saya akan menghantarkan kemudian.

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendapat maklum bahawa dari segi penggunaan racun makhluk perosak ini yang selalu menjadi mangsa kalau boleh dikatakan mangsa ialah di kalangan pekerja-pekerja wanita di sektor pertanian. Jika ini benar apakah yang merupakan sebab-sebab perkara ini berlaku dan daripada sektor pertanian manakah selalunya timbul masalah ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat mengesan jika apa yang dikatakan itu benar atau tidak jika kaum wanita yang lebih menghadapi risiko atau menghadapi keracunan. Tetapi adalah jelas bahawa keracunan ini adalah dari bahan-bahan toksid adalah terwujud di sektor ladang dan juga di sektor pekebun-pekebun kecil, penanam sayur serta petani-petani yang lain. Tetapi kemalangan di tempat-tempat pekerjaan, tempat-tempat di mana racun ini digunakan adalah kurang daripada penyalahgunaan bahan-bahan toksid itu. Dan dalam angka-angka itu saya rasa wanita itu ada juga sedikit majoriti.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Buruh beritahu berapa banyak majlis penerangan atau ceramah telah pun diadakan di ladang-ladang, di FELCRA dan FELDA mengenai bahaya keracunan dan toksid.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka tetapi saya boleh mengatakan banyak sekali diadakan.

#### ASRAMA DESA DIBINA

13. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa buahkah asrama desa telah dibina sejak 1988. Berapa ramaikah pelajar telah dapat ditempatkan dalam asrama-asrama tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 4,750 orang pelajar telah dapat ditempatkan dalam 95 buah asrama desa di seluruh negara yang dibina sejak tahun 1988. Asrama desa yang disebutkan

tadi adalah berlainan daripada asrama biasa yang ditubuh di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Asrama-asrama desa ini ditubuhkan bagi tujuan memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari keluarga yang termiskin untuk mendapat kemudahan-kemudahan pembelajaran serta tempat tinggal untuk membantu mereka maju dalam pendidikan.

**Puan Hajjah Habidah binti Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan selain daripada 95 buah asrama desa yang telah dibina sejak tahun 1988 berapa buah lagi asrama desa ini akan dibina oleh Kerajaan untuk tahun 1990. Apakah kriteria untuk membolehkan seseorang pelajar itu memasuki asrama desa ini.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka di sini bahawa berapa buah asrama desa akan dibina pada tahun 1990 dan pembinaan asrama penuh ini adalah secara gotong royong. Sebuah asrama penuh kos pembinaannya ialah \$50,000 seunit dengan tambahan 15% bagi kemudahan-kemudahan asas. Sebab wang yang terlibat itu tidak terlalu tinggi, sebab itu pembinaannya akan dijalankan dari semasa kesemasa mengikut keperluan pada masa itu. Sebab itu pada tahun ini kita belum lagi ada satu perangkaan atau perancangan. Kriteria untuk memasuki asrama desa itu ialah kita memilih pelajar-pelajar dari tempat-tempat pendalaman yang termiskin dan ini adalah kriteria yang akan kita utamakan.

**SKIM GAJI GURU-GURU - PELAKSANAAN**

14. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah gaji guru-guru berijazah dan tidak berijazah itu akan dilaksanakan;
- (b) benarkah ada bantahan yang dibuat oleh Persatuan Guru-guru yang mendakwa bahawa perubahan skim gaji itu merugikan mereka; dan
- (c) difahamkan ada seramai lebih kurang 11,000 orang guru-guru dalam kategori "B" yang akan terjejas kedudukan mereka apabila skim gaji yang baru itu dilaksanakan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan:

- (a) pelaksanaan gaji guru-guru berijazah dan tidak berijazah atau lebih dikenali gaji dua skim akan dilaksanakan tidak lama lagi. Buat masa ini pihak-pihak yang berkenaan di Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam sedang bekerja keras mengkaji implikasi dan menyusun langkah-langkah perlaksanaannya. Walau bagaimanapun, tarikh penguatkuasaannya tetap pada 1hb Januari, 1989 ini sepertimana yang dijanjikan.
- (b) Adalah dijamin bahawa tidak ada siapapun yang rugi atau ketinggalan dalam pelaksanaan gaji dua skim ini, malahan ia adalah lebih baik daripada sebelas skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang lama. Skim baru ini menyediakan tanggagaji yang lebih baik, lebih banyak peluang kenaikan pangkat dan gaji maksima yang lebih tinggi.

- (c) Mengenai guru-guru kategori B1 dan B2, mereka tetap berpeluang untuk dilantik ke skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Bukan Siswazah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Walau bagaimanapun kedudukan mereka tidak akan terjejas dengan pelaksanaan skim perkhidmatan teraebut.

**LESEN TEKSI KEPADA SAUJANA CAR HIRE SDN. BHD.**

15. **Tuan Mohd. Wajidi bin Dato Haji Ishak** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) di atas dasar apakah pengeluaran lesen teksi kepada Saujana Car Rental Sdn. Bhd.;
- (b) apakah dengan pengeluaran lesen itu akan menutup peluang kepada mana-mana individu untuk menohon dan memiliki lesen teksi di Wilayah Persekutuan; dan
- (c) apakah faedah pengeluaran permit teksi kepada pihak awam dan Kerajaan atau terutamanya kepada Pemandu Penyewa teksi tersebut.

**Menteri Perusahaan Awam [Dato Napsiah binti Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya, Yang Berhormat Dr. Nordin bin Selat, Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam, Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan, Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman dan Yang Berhormat Tuan Chong Che Siong di mana soalan-soalan tersebut adalah dianggap lebih kurang sama iaitu berkenaan dasar pengeluaran lesen teksi khususnya pengeluaran teksi di kawasan Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya dan Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mei yang lalu saya telah mengumumkan bahawa semua permohonan baru teksi dan kereta sewa di seluruh Semenanjung dibuka semula termasuklah di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun pada bulan Julai, Jemaah Menteri telah membuat keputusan supaya semua permohonan baru lesen teksi di kawasan Kuala Lumpur mestilah dikendalikan oleh syarikat-syarikat di mana syarikat-syarikat dimestikan memberi saham kepada pemandu-pemandu. Di antara asas-asas utama: Jemaah Menteri membuat keputusan tersebut adalah:

- (i) mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan teksi di negara ini khususnya di Kuala Lumpur iaitu dengan cara mewujudkan pengusaha-pengusaha teksi yang mempunyai modal yang cukup untuk membeli dan menyelenggarakan kenderaan serta berupaya mengendalikan operasi teksi dengan lebih bertanggungjawab;
- (ii) untuk memudahkan pihak berkuasa mengesan dan mengawal juga mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya seperti di dalam kes-kes penguatkuasaan dan sebagainya. Pihak berkuasa hanya perlu berhubung dengan beberapa buah syarikat sahaja dan tidak dengan semua pemegang lesen perseorangan seperti yang dilaksanakan pada masa ini;
- (iii) untuk mengatasi masalah rungutan dan ketidakpuasan hati pengguna-pengguna terhadap teksi individu yang ada pada masa ini dari segi keselesaan dan keselamatan. Ini adalah kerana pada masa kini terdapat sebilangan daripada pemegang-pemegang lesen perseorangan yang tidak berupaya untuk menyelenggarakan teksi-teksi mereka dengan baik.

Dengan dasar baru ini lesen-lesen teksi hanya diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai modal dan pengalaman yang mencukupi di dalam bidang pengangkutan dan syarikat-syarikat tersebut adalah bertanggungjawab ke atas segala aspek perkhidmatan teksi mereka. Pada masa kini telah ada lebih kurang 7,235 buah teksi atas milik perseorangan dan syarikat-syarikat kecil beroperasi di kawasan Kuala Lumpur ini.

Berkenaan dengan pengerluaran lesen teksi kepada Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. adalah berdasarkan kepada putusan Kabinet yang menghendaki perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur ini dikendalikan oleh syarikat, maka pihak Kementerian dan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan telah mengadakan satu perjumpaan khas di antara wakil-wakil Persatuan Bekas Perajurit, Persatuan Bekas Polis Bersara, Konsortium Siswazah dan beberapa syarikat swasta yang mana termasuklah juga Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. Apabila temuduga dijalankan, pihak Lembaga telah mendapati bahawa Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. dapat menyediakan satu Kertas Kerja yang lengkap yang mempunyai gambaran dengan jelas cara mengendalikan perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur. Pihak Lembaga telah berpuashati di dalam perbincangan itu dan telah menimbangkannya untuk memberi 100 lesen. Kepada wakil-wakil Persatuan Bekas Perajurit, Persatuan Bekas Polis Bersara dan Konsotium Siswazah, mereka telah diminta untuk menyediakan Kertas Kerja dalam jangkamasa satu bulan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menjalankan satu kajian yang tamat pada bulan Mei 1989 di mana didapati permit-permit teksi baru yang diperlukan di kawasan Wilayah

Persekutuan ini iaitu Kuala Lumpur, Shah Alam dan Petaling Jaya adalah sebanyak 2,000 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh masa dua bulan, pihak Lembaga mendapati Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. dapat menyediakan 100 buah teksi dalam jangkamasa yang pendek dan ini telah membuktikan kemampuan syarikat tersebut untuk mengendalikan perkhidmatan dengan cepat, kemas dan teratur. Oleh itu pihak Lembaga dalam mesyuarat khasnya pada 5hb September, 1989 telah meluluskan sebanyak 100 lesen lagi kepada Saujana Car Hire Sdn. Bhd. sebagaimana yang dijanjikan. Pemberian 200 unit ini tidak bermakna syarikat-syarikat yang lain tidak diberi peluang langsung untuk menjalankan perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, 100 daripada permit ini operasinya buat masa ini ditangguhkan sementara Kementerian membuat penyiasatan. Pihak Kementerian akan mengeluarkan kelulusan secara berperingkat-peringkat kepada syarikat yang difikirkan layak dan mampu menjalankan perkhidmatan vana baik. Sejak pembukaan semula permohonan lesen teksi Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya dan Shah Alam, sebanyak 668 syarikat telah membuat permohonan. Dari jumlah ini hanya 74 permohonan didapati mengemukakan permohonan yang lengkap. Dari jumlah 74 permohonan ini Lembaga Perlesenan Kenderaaan Perdagangan telah menimbangakan dan meluluskan 16 permohonan. Jumlah lesen yang diluluskan ialah 1,030 lesen. Dari jumlah 16 permohonan yang diluluskan, 6 permohonan adalah terdiri daripada syarikat persatuan ataupun persatuan yang terlibat secara langsung dengan pengendalian perkhidmatan teksi di Wilayah

Persekutuan, Petaling Jaya dan Shah Alam. Jumlah lesen yang diluluskan kepada 6 syarikat tersebut adalah berjumlah 300 buah.

Berhubung dengan warna teksi pula, pengusaha-pengusaha boleh mencadangkan warna-warna teksi. Walau bagaimanapun Lembaga dan Kementerian akan memutuskan sama ada satu-satu warna teksi berkenaan wajar atau tidak. Warna teksi yang baru iaitu warna putih dan merah telah dipersetujui oleh Lembaga dan Kementerian bukan sahaja kepada Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd. tetapi bagi semua lesen teksi yang baru yang beroperasi di Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya dan Shah Alam.

Berkaitan dengan saham-saham yang sepatutnya diberikan kepada pemandu-pemandu, saya difahamkan Akta Syarikat 1965 ada membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan penawaran saham-saham untuk syarikat-syarikat berhad ataupun syarikat Sdn. Bhd. dan terpulanglah kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan yang sedia ada itu.

Saya ingin menegaskan kepada syarikat-syarikat yang berjaya, ia adalah perlu menguruskan perkhidmatan teksi Kuala Lumpur, Shah Alam dan Petaling Jaya dengan baik. Kementerian ada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan mengikut Akta Lembaga LPKP tahun 1987 dan akan menguatkuasakan Akta tersebut pada **bila-bila** masa;

Sebagai akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesahkan bahawa saya atau UMNO khususnya Pergerakan Wanita UMNO tiada apa-apa kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam syarikat ini. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab di dalam urusan perlesenan kenderaan perdagangan, saya pentingkah pengwujudan satu sistem pengangkutan awam dan barangan yang sempurna di negara **ini**. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahii Yang Berhromat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 33 adalah**

## USUL

UCAPAN TAHNIAH DAN LAFAZ IKRAR TAAT SETIA DEWAN DIPERSEMBAHKAN  
KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA SEBAGAI YANG DI-PERTUA AGONG**3.40 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Usul seperti berikut:

Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat-setia di Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada 18hb September yang lalu sempurnalah sudah istiadat dan upacara pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah yang penuh gilang-gemilang dan warna-warni.

Seluruh rakyat Malaysia telah turut serta memeriah dan merayakannya dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran. Amalan tradisi ini adalah lanjutan bagi proses pemilihan dalam pemerintahan Raja Berperlembagaan di negara kita iaitu, satu-satunya negara yang mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan yang telah mengekalkan perpaduan rakyat semua kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Raja pemerintah negara kita Malaysia, memainkan peranan yang amat besar dalam pembangunan negara. Baginda juga memainkan peranan yang amat besar dalam soal perpaduan nasional dan ketahanan rakyat dengan izin, national unity and national resilience dan yang lebih penting lagi, Raja Pemerintah merupakan sumber utama mempertahankan kedaulatan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan serta keutuhan dan kedaulatan undang-undang.

Kesimpulannya, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan payung naungan bagi keseluruhan rakyat jelata negara ini dan sistem pentadbirannya. Keseluruhan sumbangan yang besar ini disokong pula oleh institusi Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Jemaah Menteri adalah semata-mata ke arah kecemerlangan negara, kemajuan, dan kemakmuran rakyat serta kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, menyingkap kembali kepada lembaran yang singkat semenjak pertabalan Baginda tempoh hari, tidak syak lagi ciri-ciri naungan baginda amat dirasakan. Rangsangan kepada Kerajaan dan rakyat berganding bahu memajukan negara makin berkembang. Saya yakin daya rangsangan dan hubungan ini akan menyemarakkan lagi kemajuan negara di masa akan datang.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah mempunyai banyak keistimewaan yang dikagumi oleh rakyat semua. Sesungguhnya kita berasa amat bertuah, bangga dan bersyukur bernaung di bawah seorang raja yang mempunyai tahap profesionalisme yang cemerlang ditambah pula dengan hemah yang tinggi di samping mempunyai kebolehan dan pengalaman yang luas dan mendalam dalam bidang perundangan dan pentadbiran. Kejayaan baginda dalam bidang tersebut adalah usaha baginda untuk bekerja keras bagi mencapai kejayaan. Kejayaan, kemampuan dan kecemerlangan baginda dalam bidang-bidang tersebut merupakan satu aset yang besar serta contoh teladan yang baik untuk kita semua dan rakyat jelata.

Begitu juga dalam bidang sukan negara. Bertepatan dengan semangat dan pembabitan yang bersungguh-sungguh dalam bidang sukan, baginda menjadi pendorong utama kepada kemajuan dan pencapaian ahli-ahli sukan negara. Pembabitan baginda merupakan daya aspirasi yang unggul dalam bidang ini ke arah perpaduan negara dan kemasyhurannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh pemerintahan baginda, Kerajaan akan terus membangun dan memajukan rakyat dan negara dengan penuh tanggungjawab dan amanah. Kita semua perlu bekerja lebih kuat ke arah menjadikan negara kita lebih maju, aman, makmur, bahagia, bersatupadu dan bermaruah. Dengan kerjasama semua pihak, insya Allah, negara kita akan mencapai cita-cita dan harapan tersebut.

Rakyat merasa bertuah kerana mendapat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sentiasa memberi perhatian berat ke atas kebajikan rakyat jelata. Bagi pihak semua Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini dan bagi pihak diri saya sendiri, saya dengan perasaan penuh ikhlas dan hormat, menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di atas pemilihan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-9 dan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun.

Saya bersama-sama Yang Berhormat Yang Berhormat Ahli Dewan Negara sekalian berikrar akan menumpukan taat-setia kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya berdoa kepada Allah s.w.t. agar dalam tempoh pemerintahan baginda tuanku, negara Malaysia akan bertambah maju, makmur dan bahagia dan mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi dalam semua bidang. Mudah-mudahan Allah s.w.t. akan sentiasa melimpahkan taufik dan hidayahnya di samping memelihara kesihatan dan kesejahteraan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan semoga selamat bersemayam di atas takhta Kerajaan dengan penuh kebesaran dan kemuliaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**3.48 ptg.**

**Dato' Tan Peng Khoon;** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut ingin menyampaikan sembah dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun sempena istiadat pertabalan yang lalu.

Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-9 baru-baru ini adalah satu detik yang bersejarah dalam tradisi pemilihan raja yang memerintah negara kita mengikut sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Ini adalah satu detik peristiwa yang dialu-alukan dan dirayakan dengan penuh kegembiraan oleh seluruh rakyat dan negara. Istiadat pertabalan ini adalah merupakan satu istiadat yang kaya dengan tradisi dan adat istiadat di-Raja yang dapat disaksikan oleh seluruh lapisan rakyat menerusi television.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah sebagai seorang juri yang terkemuka telah dikenali serta dihormati bukan sahaja seluruh rakyat Malaysia tetapi juga dihormati tinggi di bidang kehakiman antarabangsa. Dengan penuh pengalaman yang telah diperolehi itu, saya pasti Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah adalah amat disanjung tinggi, disayangi serta ditaati oleh rakyat jelata. Saya percaya baginda akan dapat memainkan peranan yang penting dalam mempertahankan kedaulatan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Saya juga percaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan dapat memainkan peranan utama dengan penuh bijaksana dan saksama dalam mencapai perpaduan dan kerjasama di antara semua rakyat yang terdiri daripada berbagai keturunan, berbagai kebudayaan dan berbagai agama bagi menjamin supaya negara kita sentiasa dalam keadaan aman dan makmur. Baginda adalah sumber perpaduan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat dari semua golongan dan lapisan hendaklah menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi, kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sebagai lambang perpaduan rakyat dan puncak keadilan. Rakyat dan negara berasa sangat bertuah atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru, yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji serta pengetahuan yang mendalam, pengalaman yang luas bukan sahaja dalam bidang kehakiman dan pentadbiran, tetapi juga di dalam bidang-bidang yang lain.

Sekali lagi kami rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum, dan agama ingin merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, serta menjunjung kasih, melafazkan ikrar taat setia kami kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, semoga di dalam pemerintahan Tuanku negara kita akan bertambah aman, stabil, makmur dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah satu Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman iaitu:

Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Dan sekarang terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

**3.53 ptg.**

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak seluruh Ahli Dewan Negara daripada UMNO dan juga daripada kaum Melayu menyokong penuh atas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang telah disokong oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan sendiri berkenaan menjunjung kasih di atas perlantikan dan memberi ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Kesembilan iaitu Sultan Azlan Shah yang baru ditabalkan pada bulan September yang lalu.

Kami seluruh Ahli Dewan daripada kaum Melayu memang tidak syak lagi dan kami yakin bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agonglah akan merupakan benar-benar sebagai payung kepada negara, yang akan menunjukkan bahawa negara kita akan menuju ke arah perpaduan di dalam sebuah negara yang mempunyai berbagai-bagai kaum.

Atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya merasakan sudah kena pada masa kerana Baginda adalah merupakan seorang Raja yang mempunyai pengalaman mahupun dari segi Kehakiman, dan juga sukan dan juga yang terkenal dan di-sanjungi bukan hanya di peringkat negara kita bahkan juga daripada negara-negara luar. Oleh itu atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Yang di-Pertuan Agong yang Kesembilan, kami merasa begitu gembira terutamanya bagi

diri saya sebagai rakyat Wilayah Persekutuan yang tidak mempunyai Sultan dan tidak mempunyai Raja, kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan, apabila mendapat seorang Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai pengalaman dan begitu mesra dengan rakyat.

Satu petanda yang telah ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila Baginda dilantik sahaja menjadi Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah dapat menemui semua Ahli-ahli Dewan di dalam satu perjumpaan "Jamuan Makan". Ini telah membuktikan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menganggap bahawa Ahli Dewan Negara sebagai mereka yang memainkan peranan penting untuk menentukan dasar Kerajaan, yang memerintah sekarang.

Saya harap buat masa-masa akan datang, kalau boleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga sekurang-kurangnya 6 bulan sekali, apalah kiranya dapat bersama-sama dengan Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya dapat kita lebih memesrakan diri kita, di antara satu sama lain dan membawa negara kita ini ke arah keamanan dan kebahagiaan kepada rakyat jelata.

Saya berharap sekali lagi seluruh rakyat jelata khasnya kaum Melayu menumpukan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang memerintah negara kita, dan saya berharap juga jika ada terdapat ideologi-ideologi yang difikirkan sudah mula bercanggah dengan ideologi sistem di bawah dasar pemerintahan negara yang berdemokrasi dan Raja Berperlembagaan. Maka saya harap dengan perlantikan Duli Yang Maha Mulia ini, seluruh rakyat akan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi.

Saya ingin juga menyentuh sedikit apa jua yang dapat kami lakukan untuk pengetahuan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku rakyat Wilayah.

Kami menjalankan dasar Kerajaan dengan begitu baik, dan apa jua perkara-perkara yang difikirkan bersangkutan-paut dengan agama Islam itu sendiri, jika sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak diperkenani oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bahawa apa jua yang kami lakukan itu semata-matanya untuk menentukan dasar Kerajaan ini berjalan dengan baik, dan menentukan seluruh rakyat patuh kepada Kerajaan dan patuh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu sebagai Raja yang memerintah.

Selain daripada itu, saya juga mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun yang menjadi Raja Permaisuri Agong yang Kesembilan. Dengan pertabalan kedua-dua Baginda ini, maka menunjukkan bahawa negara kita akan menuju lebih aman lagi, lebih bahagia dan diharapkan semua rakyat menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

3.57 ptg.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian dalam Usul Ucapan Tahniah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dipertabalkan baru-baru ini.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dalam tahun 1954 dan kemudian Baginda menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Kecemerlangan Baginda di dalam Perkhidmatan Kehakiman telah membawa Baginda ke kemuncak kerjaya di bidang ini dengan perlantikan Baginda sebagai Ketua Hakim Negara. Walaupun bidang perundangan telah lama Baginda tinggalkan, namun beratus-ratus keputusan pengadilan yang telah dibuat di dalam hujah-hujah yang bernas dan tepat tetap kekal abadi menjadi khazanah rujukan perundangan negara.

Bidang pengajian tinggi negara juga telah banyak menerima sumbangan bakti Baginda apabila Baginda memperkenankan perlantikan sebagai Pro-Canselor, Universiti Sains Malaysia dari 4hb Oktober, 1971 hingga bulan Februari, 1984. Duli Yang Maha Mulia Baginda juga telah menerima perlantikan sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi mulai dari 1hb November, 1974 hingga 30hb Oktober, 1984. Kita yakin dengan bersungguh-sungguh Baginda akan dapat memerintah negara kita dengan aman, damai dan makmur.

Saya bagi pihak parti MIC dan masyarakat India menyokong bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Chan Choong Tak.

**4.01 ptg.**

**Dato Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk melahirkan rasa gembira saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-9 sepertimana yang telah juga dilahirkan oleh rakan-rakan saya dalam ucapan-ucapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam dan juga seorang wakil daripada parti Gerakan Rakyat Malaysia, saya berasa amat bangga sekali yang Baginda telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan

Agong baru negara kita. Pemilihan Baginda adalah berasaskan kepada latar belakang Baginda yang ulung, seorang ahli sukan yang berkualiti, seorang peguam yang dihormati, seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang disanjung serta sebagai seorang Lord President, dengan izin. Bagi pihak semua peguam dan parti Gerakan Rakyat Malaysia, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi apa yang telah dilahirkan oleh rakan-rakan saya sama ada di dalam Dewan ini atau di Dewan yang lain atau di luar. Saya juga ingin melafazkan ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia kerana terpilih untuk memegang jawatan yang memang bersesuaian dengan kelayakan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua Duli Yang Maha Mulia adalah seorang yang menarik, yang mempunyai unsurpassed charm, dengan izin, yang berilmu pengetahuan tinggi. Kelahiran Baginda sebagai seorang putera dan dengan kecekapan pendidikan yang tinggi sebagai seorang peguam berkeayakan, Baginda telah dengan singkatnya timbul daripada peringkat yang terbawah dalam bidang peguam kepada jawatan tertinggi dalam Kehakiman sebagai seorang yang termuda dalam sejarah negara kita yang telah memegang jawatan Lord President, dengan izin. Dalam semua jawatan yang telah dipegang oleh Baginda, Baginda telah menunjukkan rasa adil, saksama dan selalu mengambil keputusan adil tanpa takut dan pilih kasih. Pada masa yang sama Baginda selalu melayan rakyat jelata secara baik dan menghormati mereka sebagai yang patut diterima oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam yang tidak berpengalaman, saya sendiri adalah berpeluang berbicara di hadapan Baginda dalam Mahkamah tinggi dan saya selalu berkeyakinan penuh dalam diri saya oleh kerana Duli Yang Maha Mulia selalu bertimbang-

rasa tetapi berpegang kukuh kepada pendirian Baginda sendiri. Baginda telah juga terbukti sebagai seorang ahli sukan yang berkualiti dan seorang yang telah banyak menyumbangkan masa keemasan, tenaga serta skill ke atas pembangunan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan Duli Yang Maha Mulia sebagai Yang di-Pertuan Agong negara bukan sahaja telah meninggikan imej negara kita bahkan telah mengurangkan kebimbangan rakyat Malaysia terhadap pengurangan kuasa yang telah diberikan kepada Kehakiman negara kita. Semasa negara kita dalam keadaan yang tidak stabil, pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong negara ini adalah tepat pada masanya. Sebagai pemerintah tertinggi serta Commander of the Armed Forces, dengan izin, Baginda bukan sahaja berkhidmat sebagai panduan kepada penggubalan undang-undang tetapi juga sebagai seorang yang sentiasa mempertahankan sebarang penyalahgunaan kuasa oleh sesiapa pun.

Tuan Yang di-Pertua, sistem Kerajaan negara kita di mana Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua bergantung atas kecekapan serta kebebasan ketiga-tiga cawangan yang dinamakan, dengan izin, Legislature, Executive and Judiciary. Setiap sayap secara teori adalah berasingan dan tersendiri tetapi semua adalah co-exist atau berada bersama menjadikan Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin yang Duli Yang Maha Mulia akan mempertahankan serta menggalakkan sistem Kerajaan ini yang telah berfungsi secara baik semenjak Kemerdekaan kita. Bagi pihak semua peguam dan juga bagi pihak parti Gerakan Malaysia, saya di sini ingin berdoa moga-moga sepanjang pemerintahan Duli Yang Maha Mulia negara kita akan sentiasa berada dalam keadaan harmoni dan makmur

dan saya di sini melafazkan ikrar taat setia kepada kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang ke-9. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Mazidah.

**4.09 ptg.**

**Puan Mazidah binti Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya bersama-sama membahaskan usul yang berbunyi:-

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Usul ini baharu sahaja dikemukakan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini sebagai mewakili ahli-ahli wanita Dewan Negara yang mulia ini khususnya dan keseluruhan wanita di negara ini amnya kerana sebagai separuh dari rakyat di negara ini, kami wanita juga turut berbesar hati dan bangga untuk memohon melalui Dewan yang mulia ini bagi dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun, sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia kami atas pemilihan Baginda kedua sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang ke-9 bagi negara Malaysia ini.

Saya bagi pihak keseluruhan wanita di negara ini juga mengucapkan syukur Alhamdulillah dan merasa begitu gembira kerana istiadat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah berjalan dengan sempurna, penuh beradat dan bersejarah berasaskan kepada tradisi pemilihan Raja yang memerintah negara Malaysia kita yang tercinta ini mengikut sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Secara peribadi saya menjunjung tinggi peluang yang diberikan kepada saya ini kerana saya menganggapnya adalah satu penghormatan yang amat tinggi dan penuh bermakna kerana kebanggaan yang saya rasakan bukan sahaja kerana saya mewakili hampir lima puluh peratus dari rakyat di negara ini, tetapi ini adalah juga satu penghormatan dan kebanggaan kepada diri saya secara peribadi sebagai anak watan negeri Perak Darul Ridzuan yang akhir-akhirnya sempat juga diberikan peluang oleh Allah s.w.t. melihat dan mengalami sendiri peristiwa di dalam sejarah di mana Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darulridzuan dipilih dan ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong sebelum saya memejamkan mata saya buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, tiada kata seindah bahasa untuk saya memuji Baginda. Mungkin dua rangkap yang saya pinjam dari senikata lagu ciptaan Allahyarham P. Ramlee ini sudah cukup untuk menggambarkan betapa tinggi sanjungan saya dan saya kira juga bagi keseluruhan kaum wanita di negara ini terhadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Azlan Shah.

Siapa yang tidak kagum dengan ketokohan Duli Yang Maha Mulia Baginda yang begitu menyeluruh sekali iaitu Baginda merupakan seorang yang begitu peramah, pemurah dan sentiasa mengambil berat

tentang kebajikan anak negeri menjadi payung kedaulatan negara, ugana dan adat-istiadat. Seorang yang terpelajar, seorang peminat sukan yang penuh dedikasi, pernah berkecimpung dalam pentadbiran dan masyarakat umum, terkenal di dunia, terutama di bidang kehakiman antarabangsa, malah bagi kaum wanita, Baginda begitu kacak dan bergaya sekali.

Ciri-ciri ketokohan Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong ini sudah semestinya akan membawa negara kita ke era yang bertambah aman, stabil, makmur dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat demi kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya. Bagi kami kaum wanita khususnya, kestabilan politik, negara, kemakmuran, kesejahteraan hidup keluarga dan adanya keyakinan bahawa nasib kami kaum wanita akan sentiasa terbela adalah perkara-perkara yang menjadi doa kami setiap hari dan insya Allah ini akan kita capai selagi kita dapat mempertahankan sistem demokrasi ala Malaysia yang kita laksanakan yang selama ini telahpun terbukti sesuai dan baik untuk negara kita walaupun kita terdiri dari berbilang kaum.

Bagi pihak wanita juga saya memohon Dewan yang mulia ini merafakkan sembah ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bainun sebagai Raja Permaisuri Agong yang ke sembilan. Kehadiran Baginda di sisi Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong memberikan makna yang amat penting secara simbolis kepada kaum wanita dari segi peranan dan tanggungjawab wanita dalam kehidupan manusia sejagat.

Seperkara lagi yang ingin saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, ialah pemerhatian secara peribadi saya mengenai keistimewaan atau keunikan pemilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah sebagai

yang dipertuan Agong yang ke sembilan ini. Keunikan ini adalah pada angka sembilan itu sendiri. Dari pemerhatian saya, angka sembilan penuh makna yang istimewa juga. Ada kepercayaan orang Inggeris yang mengatakan, dengan izin, 'a cat has nine lives' - seekor kucing itu mempunyai sembilan hidupnya (kehidupan). Sembilan di sini bererti satu jangkamasa yang panjang.

Orang Cina berkepercayaan angka sembilan memberi makna jangkamasa yang panjang juga, dengan izin, 'longevity'. Begitu juga pada kepercayaan orang-orang Hindu. Bagi orang Islam juga angka sembilan adalah angka istimewa. Ia bukan sahaja angka ganjil iaitu angka yang dikatakan paling digemari dan disukai oleh Allah s.w.t. tetapi ada sembilan puluh sembilan sebutan nama bagi Allah taala. Jadi jika diperhatikan Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-sembilan ditabalkan pada 18hb September 1989. Tarikh pertabalan ini bermakna tanggal 18 - satu campur lapan jadi sembilan dan saya difahamkan mengikut dialec orang-orang Kantonis, angka 18 itu berbunyi 'sap fat', saya pun tidak tahu, mungkin itu maknanya yang maksudnya kemakmuran ataupun 'prosperity', dengan izin.

Bulan Semptember ditulis dengan angka sembilan juga. Tahun 1989 bererti satu campur sembilan, campur lapan, campur sembilan menjadi dua puluh tujuh. Dua campur tujuh menjadi sembilan [Tepuk]. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sama-samalah kita berdoa agar Allah s.w.t. juga akan memberkati angka sembilan ini dalam pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Yang di-pertuan Agong yang ke sembilan ini. Moga-moga Allah s.w.t. lanjutkan usia Baginda kedua, sihat sentiasa dan memberkati pemerintahannya sebagaimana dengan makna angka sembilan itu maksud dari segi masa yang panjang dan juga

dari segi kemakmuran dan sebagainya agar Malaysia terus maju dan jaya dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai tunggak negara dan lambang perpaduan rakyat yang berbilang kaum, insya Allah.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Ahli-ahli wanita Dewan Negara ini khususnya dan wanita Malaysia amnya, sekali lagi menjunjung kasih dan merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pemilihan dan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Bainun sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang kesembilan dan melafazkan ikrar taat setia kami yang tidak berbelah bahagi Kebawah Duli Tuanku.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

**4.18 ptg.**

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Pengerusi, saya bangun memohon izin menyertai dalam perbahasan usul yang berbunyi Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah. dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini saya dengan amat sukacitanya merafak sembah menjunjung kasih menyembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah setinggi-tinggi tahniah sempena pertabalan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-9 bagi negara Malaysia serta pertabalan Tuanku Bainun sebagai Permaisuri Agong.

Perlantikan Duli Yang Maha Mulia sebagai Yang di-Pertuan Agong sesungguhnya sangat tepat dan membanggakan seluruh rakyat negara ini kerana pengalaman Baginda yang begitu luas dalam bidang pentadbiran, khususnya dalam bidang perundangan. Sebagai Ahli Dewan Negara yang mewakili MCA dan rakyat negara seluruhnya sentiasa mendoakan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sentiasa dalam keadaan sihat walafiat menjalankan tugas-tugas negara dalam cabaran ke abad yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua;** dalam masa-masa kebelakangan ini berbagai-bagai gejala-gejala yang menggugat sedikit keadaan masyarakat kita, sama ada dari golongan pelajar ataupun muda-mudi dan rakyat biasa. Saya suka menegaskan untuk membetulkan keadaan yang tidak begitu menyenangkan itu seharusnya kita dapat menghayati semula prinsip-prinsip Rukun Negara supaya amalan yang baik dapat terus berkekalan dihayati dan dipatuhi oleh setiap rakyat negara ini, seperti yang berbunyi:

Kepercayaan kepada Tuhan;

Kesetiaan kepada Raja dan Negara;

Keluhuran Perlembagaan;

Kedaulatan Undang-undang;

Kesopanan dan kesusilaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya, mewakili keseluruhan Parti MCA, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia di dalam Dewan yang mulia ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia Yang Ke-9. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang.

**4.22 ptg.**

**Tuan Douglas Sullang Anak Ganda:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan ini untuk menyokong usul setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman sekejap tadi.

Kami rakyat di Sarawak menyembahkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun atas pemilihan Baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-9.

Saya bagi pihak Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan Barisan Nasional Ketiga di Sarawak dan sebagai wakil seluruh rakyat di Sarawak ingin melafazkan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya bersembahyang kepada Allah yang maha kuasa supaya Baginda Raja dapat memerintahkan negara kita dalam aman, makmur, damai dan stabil. Saya percaya dan yakin dengan pengalaman Baginda Raja, pemerintahan Baginda Raja di negara kita dapat mencapai ekonomi yang kukuh, pembangunan yang sentiasa pesat untuk kepentingan rakyat di seluruh negara kita ini.

Saya sekali lagi bagi rakyat di Sarawak dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu dan Barisan Nasional Ketiga di Sarawak ingin melafazkan taat setia yang tidak terhingga dan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan kami juga di Sarawak bernasib dan bertuah kerana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah telah pernah bertugas di Sarawak di masa Baginda bertugas di Kementerian Kehakiman dahulu.

Dengan ini, saya sekali lagi menyampaikan setinggi-tinggi tahniah dan melafazkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Hassan Nam.

**4.26 ptg.**

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini saya sebagai wakil masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia, bagi pihak masyarakat Orang Asli keseluruhannya dengan bangga dan ikhlas menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru sebentar tadi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di atas perlantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-9 yang telah selamat disempurnakan pertabalannya pada 18hb September yang lalu dan juga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Bainun sebagai Raja Permaisuri Agong Yang Ke-9. Ini merupakan satu lagi detik sejarah negara kita yang mengukuhkan lagi konsep Raja Berperlembagaan yang melambangkan perpaduan dan keadilan yang menjadi amalan dan kebanggaan masyarakat Malaysia.

Sebagai seorang Raja, Baginda telah menunjukkan minat yang menulam terhadap kebajikan rakyat merangkumi bidang-bidang pembangunan, ekonomi, sosial, kesukanan, keagamaan bahkan Baginda juga merupakan seorang pakar perundangan Perlembagaan yang amat dikagumi dan disanjung tinggi. Sebagai seorang Jury yang terkenal bukan sahaja di rantau ini bahkan di peringkat antarabangsa, Baginda mempunyai pengalaman luas dan telah membuktikan kemahiran Baginda yang dikagumi di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak masyarakat Orang Asli Semenanjung memberi ikrar dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaannya bersama dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir yang dikasihi. Kami semua berdoa supaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dikurniakan Allah supaya keyakinan yang kami sedia ada kepada Baginda berdua dapat menjalankan tugas supaya rakyat Malaysia dapat mencapai kemakmuran hidup keseluruhannya, lebih-lebih lagi kami masyarakat Orang Asli yang saya ketahui kalau dibandingkan dengan masyarakat lain, kami masih lagi ketinggalan di dalam banyak bidang. Oleh itu, saya mohon menyokong usul tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa satu usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, iaitu:

Bahawa suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia, disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz ikrar taat setia Dewan ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Azlan Shah atas pemilihan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1988 DAN 1989) (N0.2)

**Bacaan Bagi Kali Yang Kedua**

**4.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$758,758,400 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai dua tambahan Perbelanjaan Bekalan iaitu melalui Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1988 berjumlah \$610,229,700 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1989 berjumlah \$148,528,700.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1988. Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan sebanyak \$610,229,700 bagi Perkhidmatan Tahun 1988 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama, Rang Undang-undang ini. Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1988 berjumlah \$683,737,600. Dari jumlah tersebut, \$610,229,700 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, kerana sebanyak \$73,507,900 daripada jumlah peruntukan tersebut adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan

undang-undang tertentu.

Tambahan sebanyak \$600 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 - Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan.

Di samping itu tambahan sebanyak \$10.2 juta adalah dikehendakki di bawah Maksud B.27 - Kementerian Luar Negeri untuk membiayai pembayaran Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan dan Perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti kenaikan kadar insuran kereta dan kenaikan yuran agensi bagi agen-agen perumahan di seberang laut untuk penyewaan rumah-rumah kakitangan dari Malaysia dan bangunan-bangunan Canseri.

Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1988 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 1989 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1989. Fasal 3 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan berjumlah \$148,528,700 bagi perkhidmatan tahun 1989, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Kedua Rang Undang-undang ini. Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Yang Kedua, 1989 berjumlah \$157,037,044. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$148,528,700 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, kerana sebanyak \$8,508,344 daripada jumlah tersebut adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan peruntukan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Sebanyak \$112.9 juta adalah dikehendakki di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$82.9 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrustruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan serta projek-projek yang rosak akibat banjir; sebanyak \$17.1 juta adalah untuk menampung tambahan peruntukan khas Ahli-ahli Parlimen yang dinaikkan dari \$200,000 kepada \$300,000 seorang dan sebanyak \$12.9 juta bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebanyak \$20 juta adalah dikehendakki di bawah Maksud B.30 - Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk caruman ke dalam Kumpulanwang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) berikutan permohonan daripada Kementerian Pertahanan bagi menjelaskan bil-bil pembayaran yang tidak dapat dibayar dari peruntukan tahun 1988.

Sebanyak \$7.8 juta adalah dikehendakki di bawah Maksud B.42 Jabatan Percetakan Negara bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus Cawangan Percetakan Keselamatan (CPK) Jabatan Percetakan Negara. Oleh kerana tarikh penswastaaan Cawangan ini telah ditunda dari 1hb Januari 1989 kepada 1hb Januari 1990 maka peruntukan bagi Emolumen dan Perkhidmatan dan Bekalan yang telah tidak disediakan dalam Anggaran Asal peruntukan Tahun 1989, perlulah ditambah dalam tahun ini juga.

Sebanyak \$3.4 juta adalah dikehendakki di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan untuk membiayai tambahan kos Tentera Laut Di-Raja Malaysia.

Sebanyak \$3.2 juta adalah dikehendakki di bawah Maksud B.27 - Kementerian Luar Negeri bagi membiayai perbelanjaan mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) pada bulan Okober yang lalu dan pembelian tiga buah kereta Kedutaan Besar Malaysia di luar negeri.

Sebanyak \$0.5 juta adalah dikehendakki di bawah Maksud B.20 - Kementerian Perdagangan dan Perindustian untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus Unit Khas Kecil di bawah Aktiviti Kemajuan Perindustrian. Unit Industri Kecil ini telah dipindahkan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1hb Mat 1989 yang lalu.

Sebanyak \$0.4 juta adalah dikehendakki di bawah Maksud B.10 - Jabatan Peguam Negara sebagai sumbangan Kerajaan kepada Pusat Timbangtara Serantau Asia dan Pasifik, Kuala Lumpur.

Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1989 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1989 dan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32A Tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Dato' Dr. K.S. Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Puan Aion Ariffin.

**4.42 ptg.**

**Puan Aion binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut sama untuk memperbincang dan membahaskan mengenai Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita menaruh keyakinan penuh kepada pihak Kerajaan, khasnya yang menerajui pemerintahan negara

bahawa segala peruntukan yang dikemukakan ini adalah munasabah dan wajar untuk merangkumi dan untuk mengatasi perkembangan kemajuan dan juga prestasi Kementerian-kementerian yang disebutkan di dalam Akta ini. Umpamanya, Kementerian Luar Negeri, Kumpulanwang Terkanun, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun - disebutkan sekali lagi - dan Jabatan Percetakan Negara.

Oleh kerana wang ini sudahpun selesai digunakan, jadi saya menyokong penuh kepada usul dan kepada maksud pengemukaan Akta ini bagi menggunakan wang-wang tersebut memandangkan ianya berfaedah kepada negara dan rakyat. Hanya saya ingin menyentuh satu-dua perkara berkaitan dengan Kementerian-kementerian yang telah diperuntukkan pertambahan-pertambahan bekalan tersebut iaitu umpamanya bagi Jabatan Perdana Menteri.

Kita sangat maklum bahawa Jabatan Perdana Menteri inilah yang paling terpenting di antara lain-lain Jabatan atau Kementerian dalam negara kita ini. Di sinilah pusat pengendalian pentadbiran dan juga pengawasan mengenai semua perkembangan kemajuan sama ada rakyat dan negara Malaysia ini.

Perkara selanjutnya yang ingin saya sentuh ialah mengenai peruntukan-peruntukan yang diberikan dari Jabatan ini, saya tidak pasti sama ada dari Jabatan ini atau dari Jabatan lain, untuk memperbaiki istana-istana khasnya istana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau yang dipanggilkan dengan nama Istana Negara.

Pada pendapat saya Istana Negara yang baru-baru ini telah

diperbaiki sesungguhnya menarik dan bolehlah dikatakan amatlah memuaskan, tetapi didapati Dewan ataupun Ruang Tamu ataupun mungkin dewan ini dipanggil Dewan Persada dalam bahasa lama, didapati agak kecil dan ada pula tiang-tiang besar yang menghalang kepada semua majlis-majlis besar yang diadakan di Istana Negara berkenaan.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, semasa pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong baru-baru ini didapati kebanyakan dif-dif kehormat yang dijemput ke Dewan Persada untuk menjunjung Duli dan untuk melihat Istiadat Takhta Kerajaan Malaysia ini tertinjau-tinjau dan perkasa menonton melalui TV untuk peristiwa yang hanya lebih kurang 10 meter sahaja daripada tempat duduk masing-masing. Kalau dibandingkan dengan Istana-istana Duli-duli Tuanku Sultan-sultan, kita dapati Istana Negara perlu diperbesarkan Dewan Persadanya dan perlu diberikan kemudahan yang lebih bermanfaat dan wajar kepada istiadat-istiadat dan kepada majlis-majlis yang khusus berkaitan dengan menjunjung atau menghormati Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tidak dapat dinafikan bahawa bentuk Dewan itu mengandungi unsur-unsur keMalaysiaan yang berteraskan kepada kebudayaan bangsa yang menjadi pribumi di negara ini. Tetapi apa yang saya rasa dukacita ialah mengenai blockade, dengan izin, atau halangan-halangan tiang-tiang yang berkenaan daripada semua dif-dif kehormat atau tetamu-tetamu Baginda untuk melihat dengan jelasnya segala istiadat-istiadat yang bermakna yang begitu disanjung tinggi di negara kita Ini,

Mengenai Kementerian Luar Negeri, pertama-tama saya rasa

peruntukan ini sangat wajar memandangkan peranan Kementerian ini pada tahun ini dan pada tahun-tahun yang lepas terutamanya peranan mereka di dalam menganjur dan mentadbirkan Secretariat Persidangan CHOGM yang telah mendapat sanjungan dari seluruh negara Kommanwel dan bukan Kommanwel yang baru lalu yang telah mengharumkan nama Malaysia di serata dunia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi.

Berkaitan dengan itu, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan satu ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Luar dan juga kepada Duta Malaysia yang berada di Pilipina kerana mereka telah menunjukkan satu kewibawaan dan tanggungjawab yang mendalam dalam mengawas dan memberikan perlindungan kepada rakyat Malaysia, khasnya kepada rombongan kami Ahli-ahli Dewan ini yang membuat lawatan sambil belajar dan lawatan kunjungan muhibbah ke negara-negara ASEAN yang baru lalu di mana kami telah terperangkap oleh peristiwa rampasan kuasa yang berlaku di kota metro Manila di Filipina. Di sana kita dapati Kementerian Luar Negeri begitu cergas mengambil perhatian berat tentang rakyat Malaysia yang berada berselerakan di negara yang berkenaan khasnya di kawasan yang merbahaya dan tegang selama lima atau enam hari yang berkenaan.

Kami daripada rombongan Senator-senator merasakan adalah suatu kesyukuran di mana dengan jasa baik Dato Duta Malaysia yang berada di Manila, kami telah terselamat daripada merbahaya yang benar-benar sudah sampai ke hadapan mata dan hampir-hampir kami dijadikan orang-orang tebusan oleh pihak pemberontak Kerajaan yang berkenaan.

Dato Duta berkenaan telah menggadaikan nyawa dan maruahnyanya dan bersama dengan staffnya telah mengawasi dan melarikan kami dari Hotel yang terkenal dengan markas pemberontak tersebut dan telah menaungi kami di rumahnya dan kemudian di Kedutaan Malaysia di Manila.

Saya dapati rumah kedutaan kita di Manila sangatlah wajar dan membanggakan kerana siap dan lengkap dengan tempat-tempat persinggahan yang darurat dan disiap sediakan juga segala penerangan-penerangan hubungan perdagangan dan juga mengenai kempen "Visit Malaysia Year" atau "Tahun melawat Malaysia 1990" dengan begitu teratur dan begitu berkesan sekali. Kami juga pernah menengok Duta-duta kita di negara-negara ASEAN yang lain didapati mereka ini juga bertugas dengan begitu bersungguh-sungguh, Hanya kami mengharapkan Kementerian Luar akan dapat memberikan pertolongan dan nafas baru kepada mana-mana kedutaan yang didapati masin ada kelemahannya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu daripada staff yang kurang dan daripada bangunan yang tidak begitu sesuai dengan keharuman dan kemasyhuran Malaysia dan juga perkara-perkara lain yang saya rasa dalam makluman Menteri Luar kita yang bijaksana dan Timangan Menterinya yang muda serta bijaksana serta rajin dan usaha sepertimana yang kita maklum semuanya.

Sekaitan dengan itu juga saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kawan-kawan, saya harap kawan-kawan saya juga akan mengeluarkan perasaan ini; saya secara peribadi, dengan rasa kesyukuran dan rasa terima kasih yang tidak terhingga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ketua rombongan kami iaitu Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai, Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah menjadi ketua yang benar-benar dedikasi, bertanggungjawab dan sangat-sangat mengambil berat mengenai semua anggota

rombongannya hingga beliau mengeneipkan kepentingan dirinya. Malahan di satu-satu ketika beliau telah menjadi "Panglima Jihad" di hadapan kami semua untuk mengawal kami dari diancam oleh musuh yang tidak diduga dan yang benar-benar ingin menjadikan kami sebagai senjata sulit dalam pemberontakan yang telah dilakukan di Manila minggu yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya sebut ialah mengenai Jabatan Percetakan Negara. Ada berbagai-bagai rungutan mengenai Jabatan Percetakan Negara kita ini kepada mereka yang berkecimpung dalam hal-hal percetakan iaitu media cetak **ini**. Saya mengharapkan semoga rungutan-rungutan ini yang dikeluarkan di suratkhobar-suratkhobar dan juga yang pernah disuarakan kepada Wakil-wakil Rakyat, kepada Menteri yang berkenaan, Timbalan Menteri berkenaan dapat diberikan perhatian yang serius kerana mereka sebenarnya dalam ingin mengusahakan, ingin merebut peluang, ingin berdikari, ingin mengharumkan nama rakyat Malaysia dalam bidang perniagaan, usahawan perlu mendapat perhatian bukanlah bantuan direct tetapi sekurang-kurangnya memberikan peluang kepada mereka yang wajar mengikut keadaan yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya menyokong penuh kepada Akta yang di hadapan kita pada petang ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim.

**4.54 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong satu Akta, bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Bill ini ialah perbelanjaan telah dijalankan untuk tambahan-tambahan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Dalam sedemikian rupa, saya juga ingin bercakap sedikit berkaitan dengan peruntukan tambahan Jabatan Perdana Menteri. Sebahagian daripada, perbelanjaan itu ialah untuk CHOGM.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita rasa bersyukur dan amat berbangga kejayaan-kejayaan yang telah dilakukan di dalam negara kita dah kita melihat melalui kaca TV; Dalam sessi Soal Jawab Mulut tadi, ada seorang ahli membangkitkan kenapa Ahli Dewan Negara tidak diundang. Jawapan daripada Menteri yang berkenaan hanya mewakili seorang sahaja iaitu Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya ketahui Tuan Yang di-Pertua, apakah perbezaan Dewan Rakyat dengan Dewan Negara? Dewan Rakyat semua Ahli Parlimen kebetulan masa itu berada, di Kuala Lumpur, semua hadir. Kalau tidak silap saya di kaca TV yang kita perhatikan. Tetapi Ahli Dewan Negara hanya tidak sampai 80 orang. Kenapakah begitu kecil pandangan ataupun begitu terhad. peruntukan untuk menjemput wakil-wakil ini. Bunyinya Dewan Negaralah yang paling besar, yang tidak dapat mengatasi sekalian. Tetapi mereka yang duduk dalam Dewan Negara inilah yang paling kecil yang tidak nampak kepada pemimpin-pemimpin, pada pandangan saya. Apa salahnya kalau dijemput sekurang-kurangnya

memberikan pandangan atau menambahkan pengalaman kepada pemimpin-pemimpin dalam Dewan Negara ini. Belanja wang sama juga. Kita tidak akan tuntutan kewangan kita yang datang. Kita boleh gunakan dengan cara yang lain, supaya kita dapat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ditanya oleh rakyat di negeri kita yang kita tinggal. Apakah Yang Berhormat tidak pergi ke persidangan, di pembukaan, ke penutup. Bagaimana? Ini juga kita rasa rendah daripada orang lain. Bila hendak bincangkan peruntukan kewangan sama-sama kita bincang, sama-sama kita luluskan, sama-sama kita memikirkan tetapi keadaan yang dirasakan berlainan.

Ini juga, Tuan Yang di-Pertua, pada masa akan datang, patut diperhatikan atau diperbaiki keadaan.

Dalam B.20, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kita sebagai wanita rasa amat bangga kepada pemimpin wanita yang sentiasa mengadakan hubungan dengan luar negara untuk menarik pelabur melabur dalam negara kita. Kita ucapkan tahniah. Melabur dalam negara ini, memberikan pekerjaan kepada rakyat.

Pada tahun ini ada tambahan. Sepatutnya, Kementerian ini juga haruslah memberikan peluang kepada wanita-wanita agar dapat satu dua orang mengikuti rombongan-rombongan ke luar negeri ini supaya memberikan pelajaran. Kerana dalam negara kita ini Menteri Perdagangan dan Perindustriannya wanita, tetapi kaum pedagangnya yang banyak ialah lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri. Saya juga menyokong sebagaimana rakan saya Yang Berhormat Puan Ainon tadi iaitu kalau kita tidak pergi ketempat-tempat ini maka kita tidak tahu bagaimanakah keadaan orang-orang Malaysia yang berada di luar-luar negeri. Mungkin Duta-duta atau wakil-wakil negara kita yang berada di tempat-tempat yang tidak ada pergaduhan sangat bernasib baik, tetapi sebagai Duta kita di Filipina sejak pemerintahan Presiden Cory Aquino mereka telah mengalami enam kali percubaan rampasan kuasa. Maka begitu banyak pengalaman kepada Duta kita yang tinggal di Filipina. Saya dan juga rakan-rakan saya yang lain yang telah berkesempatan melawat Filipina, kebetulan pada hari rombongan kami hendak balik ke tanahair, tercetusnya peperangan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Duta kita Dato' Imam bin Haniff yang sangat dedikasi dan bekerja keras untuk menyelamatkan rakyat Malaysia yang berada di Filipina.

Satu lagi, kepada rakyat kita yang ingin keluar negeri mereka apabila sampai sahaja di negara yang mereka lawati, patutlah melaporkan diri kepada Kedutaan. Kalau masa yang baik, tidak apa, tetapi kalau masa peperangan terjadi, yang susah ialah Kedutaan kita sendiri mereka tinggal di tempat tempat yang jauh tempat yang berada di dalam peperangan, tidak dapat melepaskan diri mereka sentiasa menghubungi Kedutaan Kalau Kedutaan kita tidak dapat menyelamatkan mereka, ambil mereka, maka Kedutaan kitalah yang kena cerca. Kesalahan mereka sendiri yang memasuki negara itu tidak melaporkan diri kepada Kedutaan tidak timbul samasekali. Kerajaan patutlah memberi satu penerangan kepada orang-orang yang akan keluar negeri

supaya melaporkan diri mereka di Kedutaan, sekurang-kurangnya beritahu sahaja supaya tidak menyusahkan Kedutaan kita di negara-negara itu. Kalau tidak berlaku kekecohan tidak apa, tetapi kalau ada berlaku kekecohan, mereka yang susah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap panjang di atas perkara ini kerana perkara ini telah berlalu, kita hanya untuk manutuskan kelulusan Akta ini. Saya menyokong penuh kepada Akta yang tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi sesiapa yang hendak mengambil bahagian?

**5.04 ptg.**

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan kawan-kawan saya untuk menyokong suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan 1988 (1989).

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang mana pihak Kerajaan kita tiap-tiap kali kita mangadakan mesyuarat adalah untuk tambahan perbekalan ini. Ini adalah menunjukkan bahawasanya pihak Kerajaan sangat-sangat mamentingkan perbelanjaan ini demi untuk menyelamatkan rakyat yang berada di dalam negara ini. Kita berdoa ke hadrat Allah s.w.t. supaya pihak-pihak yang bertanggung-jawab benar-benar menjalankan tugas dengan keadaan yang lebih sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menyentuh sedikit berkenaan dengan B.7 - Jabatan Perdana Menteri, iaitu satu jabatan yang paling penting sekali di dalam semua Kementerian yang berada di dalam

negara kita ini, lebih-lebih lagi Bahagian Hal Ehwal Agama Islam yang maha suci yang berada di Jabatan Perdana Menteri itu.

Saya sebagai seorang Islam yang bertanggungjawab kepada agama Islam dan kepada negara Malaysia yang mana agama Islam adalah agama rasmi negara, maka saya sangatlah berharap kepada pihak yang bertanggungjawab di Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan Hal Ehwal Agama Islam yang maha suci ini benar-benar menentukan keadaan kita sekalian sebagai pemimpin ataupun sebagai pemerintah termasuklah kita Ahli-ahli Dewan Negara khasnya orang yang akan membenar dan yang akan memutuskan segala undang-undang.

Adakah pihak yang bertanggungjawab di Jabatan Perdana Menteri berasa sungguh-sungguh terlepas dapat menjawab soalan-soalan yang akan disoal di kemudian hari nanti, sama ada soalan yang akan disoal itu oleh pihak rakyat yang berada di dalam negara Malaysia ini khasnya kepada rakyat yang beragama Islam, lebih-lebih lagi soalan yang mesti akan disoal oleh Rabbul Jalil sendiri kepada kita di akhirat nanti. Apakah kita benar-benar menunaikan tanggungjawab itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam ataupun cuma semata-mata kita menghiaskan luar sahaja tetapi di dalamnya tidak sebagaimana di luar.

Kita mesti ingat bukan setakat rakyat sahaja yang akan menentukan nasib kita. Hakikat sebenar mengikut pandangan Islam dan pegangan orang Islam, yang menentukan sama ada berjaya ataupun tidak, sama ada selamat ataupun tidak hidup kita di alam dunia ini adalah terhenti di atas kehendak Allah s.w.t. Tuhan pencipta alam ini.

Oleh hal yang demikian, saya berasa ragu-ragu dan beraaa bimbang di hati kecil saya, takut-takut Tuhan mencuba negara Malaysia kita yang dikasini ini ke atas orang-orang Islam sebagaimana Tuhan cuba kepada saudara kita di Afghanistan, sebagaimana Tuhan cuba di Lubnan dan di bawah Yasser Arafat di Palestin. Ini kenapa dan fasal apa? Jawabnya wallahualam, tetapi kemungkinan besar kalau kita mengikut sejarah, kemungkinan besar kerana angkara yang kita buat, angkara yang dilakukan oleh rakyat jelata, terutama sekali kepada pihak atasan yang memegang teraju dan tampuk sesebuah negara.

Oleh hal yang demikian, walaupun perkara ini terkena ke atas saya sendiri sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada Malaysia, sebagai seorang yang bertanggungjawab kepada parti politik, parti yang memerintah, parti Barisan Nasional yang memerintah negara **Ini**, tetapi terpaksa saya kena bercakap. Saya bimbang takut **diri** saya akan dikutuk oleh Allah s.w.t., akan dicap oleh Allah s.w.t., akan diletakkan oleh Allah s.w.t. kemudian hari di tanpat yang tidak diingini. Dengan sebab itu, saya sebagai kuasa saya tidak ada yang lain cumanya dapat memperkatakan sesuatu sahaja, saya tidak dapat hendak menunaikan dari dalam sebab saya tidak ada tanggungjawab untuk Kementerian ataupun pegawai tetapi saya sebagai Ahli Dewan ini berhak saya bercakap apa yang saya fikir patut, yang tidak maknanya berlawanan dengan tata susila yang ada dalam Dewan **ini**. Sangat-sangatlah saya berharap kepada pihak yang bertanggungjawab yang boleh meluluskan, yang boleh memikir, yang boleh menentukan, **ikuti-**lah benar-benar apa yang dikehendaki. Apa yang dikehendaki kalau orang Islam, apa yang dikehendaki oleh Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap bukan bererti saya ini adalah seorang yang fanatik. Tidak.... Tetapi, tiap-tiap kali saya berucap, saya pernah memberitahu dasar yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang dikatakan dasar Islam adalah dasar seluruh ummah, seluruh manusia bukan tertentu kepada bangsa Arab sahaja, bukan tertentu kepada bangsa Pakistan sahaja, bukan tertentu kepada bangsa Melayu sahaja, bukan tertentu kepada orang islam sahaja, tidak. Bahkan kepada seluruh ummah manusia yang mana satu undang-undang yang telahpun dicipta oleh yang maha menjadi sendiri, yang mengetahui dengan hakikat sesuatu. Patut ataupun tidak, layak ataupun tidak, sesuai ataupun tidak. Jadi, dengan sebab itulah saya suka berterus terang. Saya berharap kepada saudara-saudara saya yang bukan Islam daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, janganlah menyifatkan kita orang Islam, umpamanya saya bercakap ini adalah sebagai seorang yang fanatik yang hendak menyeru tidak. Demi kepentingan rakyat sebuah negara kalau kita ikut apa yang dibuat, yang ditunjuk oleh Tuhan yang mencipta alam, insya Allah kita akan selamat dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, saya sambung lagi iaitu berkenaan dengan Kementerian Pertahanan. Ini adalah satu Kementerian yang amat penting, demi untuk mempertahankan negara. Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada pihak Kerajaan, tolonglah memberi pertimbangan yang sewajarnya. Dengan kakitangan yang lain yang kebanyakannya telahpun kita memberi keistimewaan walaupun kita telahpun memberi beberapa keistimewaan kepada pihak tentera dan askar-askar kita tetapi kalau kita lihat dengan secara sepintas lalu, barangkali kemungkinan tidak sama dengan pihak-pihak yang lain. Kasihanlah kepada mereka, mereka sanggup meninggalkan rumah-

tangga demi untuk menyelamatkan negara dan rakyat sebab kita berasa serba salah apabila seorang perajurit kita yang telah bersara serbasalah kita melihat mereka. Ke mana akan dituju, umurnya masih muda, kalau ada pencen pun, tidak berapa istimewa sangat. Kalau yang tidak ada pencen itu lebih-lebih lagilah. Tambahan pula kalau-lah yang tidak bernasib baik yang sanggup menggadai nyawa sehingga nasibnya, tubuh badannya tercedera. Banyak kita melihat merasa. Apa salahnya kalaulah kita memberi keistimewaan yang lebih sedikit kepada mereka. Semoga anak-anak kita yang kemudian ini nanti, mereka sanggup mengorbankan jiwa-raga mereka demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dapat saya memperkatakan pada petang ini.

Jadi, akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini sebagaimana saudara-saudara saya. Sekian, terima kasih .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi sesiapa yang hendak bahas? Kalau tidak, saya jemput Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

#### **5.19 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin, Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim dan yang terakhir aekali Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah yang telah berucap membahaskan Rang Undang-undang ini.

Seperti di dalam pembentangan saya sebentar tadi, peruntukan-peruntukan yang diminta ini bagi tahun-tahun 1988 dan juga tahun 1989 adalah perlu manandatangani keperluan-keperluan seperti yang dijelaskan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd.Noor bin Haji Abdullah, khususnya berkenaan dengan peruntukan kepada Kementerian Pertahanan. Secara umumnya apa yang disebut supaya peruntukan diberi dengan lebih banyak lagi kepada Kementerian ini agar anggota Tentera yang telah bertugas dan berjasa kepada negara ini dapat berkhidmat dengan lebih baik dan lebih bersemangat lagi.

Perkara ini seperti yang kita maklum, memanglah Kerajaan memberikan perhatian kepada pertahanan negara dan kalau Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini memerhatikan, Kerajaan sentiasa memperuntukkan kewangan yang agak besar untuk kita membelanjakan di bidang pertahanan ini. Walaupun begitu kita tidaklah bermaksud untuk mempunyai satu kekuatan Tentera yang kuat bagi menyaingi negara-negara yang lain, tetapi apa yang dilakukan oleh Kerajaan, ialah untuk menyediakan negara kita ini kepada apa jua bentuk ancaman daripada luar, yang boleh mengugat kestabilan dan keamanan negara kita.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum bagi negara-negara yang tidak stabil dan tidak aman, maka negara itu tidak akan dapat mencapai apa yang kita panggil pembangunan dan juga keharmonian negara kita.

Selain daripada itu bagi mengulas Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor juga, perkara ini diharapkan tidaklah menjadi kebimbangan kita bersama berkenaan dengan anggota Tentera, faedah-faedah perkhidmatan mereka akan sentiasa diperhatikan oleh Kerajaan supaya kebajikan

anggota Tentera kita dan ahli keluarganya akan dapat sentiasa dijaga.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, berkenaan dengan mengapa Ahli-ahli Dewan Negara tidak diundang untuk menyertai CHOGM, saya percaya perkara ini akan diambil perhatian oleh Kerajaan. Pusingan yang kita akan menganjurkan CHOGM ini lambat lagilah, jadi kalau saya kata lain kali dijemput, tentulah Ahli-ahli Dewan akan mengatakan saya berjenaka, kerana mungkin dalam 40-50 tahun lagi baru kita dapat menganjurkan CHOGM semula. Walau bagaimanapun, perkara ini kita minta Kerajaan mengambil perhatian tentang perkara itu.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, membangkitkan masalah Jabatan Percetakan Negara, yang seperti saya sebut tadi akan menswastakan perkhidmatan ini, jangkaannya pada awal tahun hadapan. Jadi kita akan mengambil perhatian yang khusus berkenaan dengan perkara yang tersebut, yang mana kita berharap Ahli-ahli yang berkait dengan percetakan yang ingin menyertai ini akan diberikan pertimbangan yang seadil-adilnya untuk mereka menyertainya.

Untuk makluman Dewan ini, industri percetakan ini sebenarnya adalah satu industri yang besar dan berkembang dari masa ke semasa. Jadi oleh sebab itu saya juga ingin menyeru dan berharap Ahli-ahli Yang Berhormat mengajak kawan-kawan yang berminat, rakan-rakan untuk menyertai industri ini dan turut bersama-sama maju di dalam usaha kita untuk memajukan industri percetakan ini.

Selain daripada itu, kita menswastakan Jabatan Percetakan Negara ini adalah untuk menyediakan satu perkhidmatan yang lebih cekap

kepada pengguna-pengguna. Jadi kita sedar ada terdapat komplek daripada orang ramai berkenaan dengan perkhidmatan dengan sebab itulah Kerajaan ingin menswastakan untuk memberikan perkhidmatan percetakan yang lebih baik kepada umum.

Berkenaan dengan teguran daripada Yang Berhormat berkenaan dengan Pejabat-pejabat Kedutaan kita di luar negeri, memanglah pejabat-pejabat kita di luar negeri ini diberi peruntukan yang cukup dan munasabah dari masa ke semasa untuk menjalankan perkhidmatan mereka. Jadi kita pun mengucapkan terima kasihlah kerana semua sekali Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara telah selamat balik ke Dewan ini dan dapat kita bermesyuarat pada hari ini.

Kita juga mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kementerian Luar Negeri, yang mana Dutanya di Filipina ini telah mengambil berat bukan sahaja kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara, tetapi juga seluruh rakyat Malaysia kita yang ada di sana.

Berkenaan dengan pembesaran Istana Negara ini, seperti Yang Berhormat sebut terlalu kecil dan sebagainya, dalam perkara ini saya percaya Jabatan Perdana Menteri mempunyai rancangan. Kalau difikirkan Istana ini kecil, mungkin kita akan membina Istana yang baru, tetapi ini masih dalam perancangan Kerajaan, yang mana saya difahamkan tapaknya telah diperuntukkan.

Kedutaan Besar kita di luar negeri sentiasa - ini saya balik kepada Kementerian Luar Negeri yang disentuh oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim juga dan Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, tidak habis lagi cerita itu tadi - selain daripada apa yang terjadi baru-baru ini.

seperti yang dialami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, keseluruhan Pejabat Kedutaan kita di luar negeri akan sentiasa mengambil perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh rakyat kita di sana. Cuma yang mungkin terjadi, dakwaan orang ramai itu adalah mungkin kerana kita tidak menghubungi Kedutaan kita di luar negeri. Ramai juga Wakil-wakil Rakyat kita bila pergi keluar negeri tidak menghubungi Pejabat Kedutaan, jadi kalau berlaku apa-apa masalah maka tidaklah dapat kita mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah berucap sebentar tadi. Jika sekiranya perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu tidak saya jawab, saya percaya Kerajaan melalui Kementerian-kementerian yang berkenaan telah mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertuan:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan 53(2), saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Dato' Dr. K. S. Nijhar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PERJUDIAN TERBUKA (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.31 ptg.**

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989 iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini telah banyak dikemukakan saranan serta desakan oleh berbagai-bagai pihak termasuk Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Rakyat yang mahukan Kerajaan mengambil sesuatu tindakan yang tegas bagi mengawal dan mengurangkan kegiatan judi. Sebagai sebuah Kerajaan yang sentiasa peka terhadap pandangan serta saranan yang membina dari mana-mana pihak, maka tindakan mengemukakan pindaan-pindaan kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 ini diambil bagi menyahut saranan-saranan serta seruan yang telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Tindakan meminda undang-undang ini yang meningkatkan lagi denda serta hukuman kepada kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini adalah merupakan tindakan tegas yang diambil di samping beberapa langkah untuk mengawal kegiatan perjudian terutamanya judi dan pertaruhan haram yang pernah diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari laporan-laporan yang diterima dari pihak penguatkuasa adalah didapati bahawa bilangan kes yang melibatkan judi dan pertaruhan haram adalah meningkat sejak beberapa

tahun ini. Tangkapan oleh pihak Polis telah meningkat dari 4,958 kes dalam tahun 1986 hingga ke 8,350 dalam tahun 1988. Andainya tindakan untuk membendung kegiatan judi dan pertaruhan haram ini tidak diambil segera, ianya akan menyulitkan lagi masalah ini di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Singapura telah memperketatkan undang-undang berkaitan dengan rumah perjudian terbuka dan pertaruhan dengan memperuntukkan penalti minimum dan hukuman penjara mandatori bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya. Adalah dikhuatiri sindiket-sindiket yang beroperasi di Singapura akan memindahkan kegiatan mereka ke negara-negara dan negeri-negeri yang berhampiran untuk mengelakkan undang-undang yang ketat di Singapura.

Bagi mengelakkan perkara ini berlaku dan ianya dapat dibendung di peringkat awal lagi, adalah difikirkan perlu diambil tindakan memperketatkan peruntukan-peruntukan undang-undang negara ini khususnya Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta ini mula berkuatkuasa hingga masa ini, nilai matawang kita telah, menurun dan dengan yang demikian hukuman-hukuman denda yang diperuntukkan di dalamnya berbanding dengan keadaan semasa adalah tidak lagi realistik terutamanya hukuman-hukuman ini adalah terhadap kesalahan-kesalahan yang melibatkan jumlah wang yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang melibatkan diri dalam kegiatan judi dan pertaruhan haram adalah didapati bahawa pada lazimnya ramai di kalangan yang tertangkap adalah orang-orang suruhan dan tidak

ketua-ketua sindiket yang menganjurkan serta membiayai operasi tersebut. Oleh kerana denda dan hukuman yang dikenakan ke atas mereka mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak tinggi dan berat, kebiasaannya orang-orang suruhan ini bersedia menghadapi risiko kerana mereka tahu yang ketua sindiket akan membantu mereka untuk membayar denda tersebut. Adalah diharapkan dengan dikenakan denda minimum serta hukuman penjara mandatori yang dicadangkan, ianya akan dapat mengurangkan golongan orang-orang suruhan ini dari melibatkan diri mereka dalam kegiatan judi dan pertaruhan haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hanya memperuntukkan hukuman maksimum tidak dapat menjamin kejayaan untuk mendapat satu hukuman, yang setimpal dengan kesalahan, kerana apa-apa hukuman yang dijatuhkan berasaskan kepada peruntukan maksimum akan bergantung kepada budibicara mahkamah dan di dalam banyak hal mungkin hasrat untuk mendapat satu hukuman yang betul-betul menggambarkan ketegasan pihak Kerajaan untuk membanteras aktiviti judi dan pertaruhan haram tidak tercapai. Di atas hasrat ini maka difikirkan bahawa hukuman denda minimum perlu diperuntukkan di dalam cadangan pindaan ini. Alasan, yang sama juga adalah terpakai berhubung dengan peruntukan hukuman penjara mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada seksyen 4, Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 bertujuan mengeluarkan kesalahan-kesalahan tertentu mengenai rumah perjudian di bawah perenggan (c), (d), (e) dan (f) subseksyen (1) seksyen tersebut untuk diperuntukkan semula di bawah seksyen 4A; baru yang dicadangkan bagi membolehkan penalti yang lebih berat dikenakan terhadap kesalahan-kesalahan tersebut.

Penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 4(1) yang sedia ada dicadangkan dinaikkan dari penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi \$50,000 dan hukuman penjara mandatori tidak melebihi tiga tahun, Penalti yang dicadangkan untuk seksyen baru 4A ialah denda tidak kurang daripada \$20,000 dan tidak melebihi \$200,000 dan hukuman penjara mandatori tidak melebihi lima tahun.

Cadangan pindaan kepada seksyen 5 pula bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan mendahulukan wang bagi menubuhkan rumah perjudian terbuka di bawah seksyen itu daripada penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi \$20,000 kepada denda tidak kurang daripada \$5,000 dan tidak melebihi \$50,000 dan hukuman penjara mandatori tidak melebihi tiga tahun.

Cadangan pindaan kepada seksyen 6 dan 7 bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan-kesalahan berjudi di dalam rumah perjudian terbuka dan berjudi di tempat awam di bawah seksyen tersebut masing-masing daripada denda sebanyak \$2,000 kepada denda sebanyak \$5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Cadangan pindaan kepada Seksyen 8 bertujuan menaikkan panalti bagi kesalahan-kesalahan menggalakkan perjudian di tempat-tempat awam di bawah Seksyen tersebut daripada penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi \$20,000 kepada denda tidak kurang daripada \$20,000 tetapi tidak lebih daripada \$200,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun,

Cadangan pindaan kepada Seksyen 9 bertujuan menaikkan panalti bagi kesalahan membeli tiket loteri haram di bawah seksyen tersebut daripada denda sebanyak \$2,000 kepada denda sebanyak \$5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato Dr. K.S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

**5.42 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberikan saya peluang untuk sama-sama bercakap bagi membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi dengan beberapa huraian-huraian dan juga penjelasan-penjelasan yang boleh memberikan kita kefahaman yang meluas mengapa Akta ini patut dipinda. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, seharusnya Akta

ini dipinda sepuluh tahun yang lalu kerana seperti yang kita maklum bahawa perjudian di negara kita ini sudah merupakan seolah-olah satu budaya dan satu profesyen tanpa kita sedari.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini amat menyeluruh dan merangkumi beberapa perkara yang menjadi kebimbangan, yang menjadi masygul yang menyebabkan ramai orang suah hati dan mengakibatkan berbagai-bagai kejadian yang hina, buruk dan tidak diingini. Nyatalah daripada judi-judi yang terbuka, yang tertutup, antara terbuka dan tertutup mengakibatkan berbagai-bagai perkembangan tidak sihat dan ianya juga dapat meruncingkan keadaan ekonomi rakyat secara tidak langsung.

Saya percaya sebagai wanita, ada isteri-isteri yang akan mengucapkan jutaan terima kasih dan merasa lega dengan pindaan ini kerana ada di antara suami-suami wanita-wanita ini yang menjadikan judi sebagai satu profesyen pentingnya dan kadangkala hingga menyebabkan porak peranda rumahtangga dan menyebabkan pertukaran sikap kepada suami daripada baik kepada tidak baik, daripada seorang yang pengasih jadi seorang yang sangat bengis.

Terdapat juga kejadian-kejadian bunuh diri kerana kalah judi dan saya teringat bagaimana penyanyi lama kita Zaharah Agus pernah menyanyikan satu lagu iaitu diberi nama 'Tahi Judi'. Barangkali Tuan Yang di-Pertua tidak pernah dengar lagu **ini**. Lagu ini liriknya sangat sedap Tuan Yang di-Pertua [**Ketawa**] sebab dia kata antara lain, '.....Pak Itam, air liur meleleh tidak dapat arak, tidak main judi kerana ketagih....' dan lain-lain perkataan yang membayangkan keburukan kepada perjudian.

Sesungguhnya semua agama, khasnya Agama Islam yang maha suci siang-siang, dahulu-dahulu telah mengharamkan dan telah tidak

membenarkan ummahnya atau penganut-penganut Islam daripada berjudi. Dalam hukum Islam, judi apa jenis judi sama ada ringan atau berat, terbuka atau tertutup adalah haram. Malangnya tidak dapat diikuti oleh kebanyakan penganut-penganut agama Islam sendiri dan kita rasa syukur apabila Genting Highlands telah dijadikan kawasan larangan kepada umat Islam untuk berjudi. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu ramailah anggota-anggota bukan sahaja dari agama Islam, dari agama lain pun, tetapi bapa-bapa Arab kita daripada negara-negara Middle-East - dari negara Timur Tengah terbang ke Genting Highlands bermain judi dengan jubah dan serban. Di kiri memetik tasbihnya, di kanan bermain judi pertaruhan hingga bermilion-milion wang sterling ataupun wang paun dinilai dengan wang Malaysia mungkin jadi berbilion-bilion.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Malaysia telah bergerak dan meminda Undang-undang ini ke arah satu kesejahteraan kepada rakyat jelata, Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah sedar bahaya-bahaya perjudian ini, bahaya-bahaya kepada perkembangan judi lebih-lebih lagi judi yang terbuka. Kita faham bukanlah perkara ini hendak menyekat kepada sesuatu puak atau sesuatu keturunan yang menganggap perkara judi ini satu daripada perkara sosial mereka, tetapi kita yakin kalau judi-judi yang membawa mudarat, yang pertaruhannya memakan sampai berjuta-juta ringgit dan ada kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, isteri pun dipertaruhkan. Kalau sekiranya kalah, awak boleh ambil isteri saya dan Isteri ini tentulah dari seorang wanita yang jelita - lagi wanita jadi mangsa.

Ini pernah kejadian mungkin tidak ada keluar dalam media cetak atau media elektronik, tetapi ianya berlaku dan pemah perkara ini

dibawa ke mahkamah atas pihak ibu-bapa isteri mendakwa feel suami yang kalah judi dan menjualkan isterinya.

Tuan Yang di-Pertua, ada berbagai-bagai jenis judi di Malaysia. Jadi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai istilah judi terbuka - judi khalayak ramai apakah tikam ekor kadangkala kena kepala, kadang-kadang kena hujung ekor itu dianggap judi terbuka atau adakah judi lumba kuda itu juga dipanggil judi khalayak ramai atau mesin. Mesin ini saya tidak faham namanya, dahulu saya ingat. Mesin ini diletakkan dan diberi permit di mana-mana, kompleks untuk anak-anak yang ponteng dari sekolah - lapan belas tahun tidak boleh pergi, tetapi yang ramainya enam belas tahun di aitu. Apakah itu juga judi terbuka. Snooker - apakah ini juga judi terbuka, tetapi juga yang paling hebat ialah judi pertaruhan.

Tahukah Tuan Yang di-Pertua, pertaruhan bukan sekadar kepada lumba kuda atau kepada sesuatu perkembangan yang mengenai kesukanan. Kalau mengenai sukan bolehlah istilah judi itu sebahagian daripada sukan. Katalah bolasepak. Permainan bolasepak antara Wilayah dengan Selangor umpamanya, ada yang bertaruh kata Wilayah menang, ada yang bertaruh kata Selangor menang.

Jadi pertaruhan itu dikutip daripada penyokong-penyokong umpamanya seperti Sarawak dahulu dengan Malaysia - Wilayah Persekutuan. Ada beberapa sendikit-sendikit berjalan membuat pertaruhan sekian-sekian banyak, kalau menang sekian-sekian gol, sekian-sekian banyak dan kalau mereka tepat maka mereka akan diberikan wang keuntungan ini dan yang kalah itu akan kena membayar share masing-masing.

Apabila sukan sudah ada dijalankan jenis judi atau pertaruhan maka itulah berlaku salah satu unsur yang berlaku apabila kesukanan

yang sepatutnya adalah untuk mendidik olahragawan 'Co be sporting', dengan izin, ataupun bersemangat kesukanan, bersemangat toleransi, kemudian mengakui tatasusila permainan sukan telah menjadi sebaliknya kerana bukan sahaja mereka itu mahu menang dari segi kualiti permainannya dan nama pasukannya, tetapi juga mereka mungkin, ini hanya mungkin mungkin 'terikut-ikut' dan tertarik-tarik dengan bisikan-bisikan pertaruhan ini.

Jadi, apabila kalah, mungkin berlakulah beberapa pergelutan di gelanggang permainan. Ini juga ada unsurnya sama ada kita maklum atau tidak maklum dari segi pertaruhan. Apakah ini termasuk di dalam Akta yang berkenaan? Itulah pertanyaan saya.

Seperkara lagi untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, terutama orang-orang politik, saya rasa sudah maklum, pilihanraya pun jadi judi. Maka bertandinglah si A dengan si B dari satu parti dengan satu parti, BN dengan DAP umpamanya. Ada sindiket yang menjalankan usaha-usaha membuat pertaruhan sama ada BN menang atau DAP menang dan yang paling malang apabila mereka ini telah terkumpul atau terperangkap dengan syer-syer membeli pertaruhan judi berkenaan, mereka sudah tidak memikirkan lagi soal kenegaraan, tidak memikirkan lagi soal pentingnya Wakil Rakyat itu untuk membela rakyat, untuk membela keadaan-keadaan sekitaran kawasan yang dia bertanding dan untuk menjadi utusan mereka di Parlimen untuk membela untung nasib mereka. Mereka lebih banyak memikirkan masalah menang pertaruhan, maka lalu mereka mempengaruhi pengundi-pengundi, sanak saudara, kawan, sahabat handai supaya mengundi kepada pihak yang ditaruhnya. Sesiapa yang banyak sekali berjaya untuk menggembelikan tenaga atau mendapatkan shareholder-shareholder, maka kejadian ini akan dapat berkesan atau menjejaskan pilihanraya berkenaan.

Satu peristiwa yang paling baru, Tuan Yang di-Pertua, ialah pilihanraya di Johor Bahru di mana kami berada di saha siang-malam dan dapat mencium bau mengenai pertaruhan kepada kerapen pilihanraya di peringkat pilihanraya kecil kawasan Parlimen Johor Bahru yang

lalu. Unsur pertaruhan judi ini juga menyebabkan BN kalah undinya. Perkara ini, saya ingin tanya juga kepada sahabat saya, ini terbukakah, tertutupkah atau antara buka dengan tutup? Sebabnya saya kurang arif mengenai istilah terbuka, tertutup **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Akta ini satu persatunya. Saya percaya saya akan diizinkan dan diberikan masa. Yang pertama ialah mengenai Fasal 2A bertujuan meminda seksyen 4(1) Akta untuk memotong bahagian tertentu daripada perenggan (c) yang berkaitan dengan kesalahan membantu dalam menjalankan loteri awam. "Membantu" ertinya ada rekrut-rekrutnya. Satu contoh, iaitu loteri kebajikan masyarakat selain daripada nombor-nombor besar, ada pula nombor ekor, Katalah yang menang itu sekian nombor, berjuta-juta nombor, hujungnya itu ada pula jadi ekor. Judi ekor ini dijual merata-rata, saya tak tahu ada kedaikah, tetapi saya meneliti dan menengok perkara ini berlaku. Apabila keputusan loteri ini dikeluarkan, maka akan adalah orang-orang muda yang menganggur, banyaknya bekas penagih dadah dan juga kanak-kanak berumur 11 tahun, 12 tahun membawa satu kertas putih dan menahan-nahan kereta yang lalu lalang yang saya lihat di sekitaran Wilayah Persekutuan dan bandar-bandar besar di seluruh negara. Kertas itu berukuran lebih kurang panjangnya 6 inci, lebarnya 2 inci, ada juga yang besar sedikit.

Pada satu ketika saya hairan mengapa anak-anak ini berkeliaran mengejar-ngejar kereta yang tak pernah terjadi dalam 5-6 tahun yang lalu, saya merasakan seolah-olah seperti berada di Jakarta atau di Manila tetapi mereka di sana menjual barang-barang atau bahan-bahan makanan atau suratkhbar. Tetapi kita di sini dibawa kertas kecil **ini**, menahan kereta-kereta dan saya nampak teksi yang paling banyak berhenti, bayar duit, ambil benda ini.

Saya tak berapa faham, mungkin Timbalan Menteri kita faham, apa bendanya ini? Adakah ini haram atau adakah ini halal? Hendak kata haram, polis-polis ada nampak, menengok keadaan ini tetapi mereka nampaknya goyang kaki sahaja di tepi-tepi jalan itu, tidak pula menahan atau menegur atau menarik mereka ini daripada berbuat perkara yang demikian. Saya rasa ini juga memburukkan imej negara.

Walaupun judi Empat Ekor - 4 digit, 5 digit ini, saya tak faham digit-digit ini, walaupun ini ada kononnya perमितnya dikeluarkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat tetapi cara pertaruhan luaran itu bagaimana, masukkah dalam Akta kita kali ini, kerana ini kalau dibiarkan berlanjutan nanti negeri kita yang kita harap akan menjadi negara yang sophisticated, negara yang benar-benar up-to-date dari segala sistem perjalanan jalanraya dan lain-lainnya akan jadi jelek, kata orang Indonesia. 'Jelek' ertinya buruk pandangan, merendahkan imej kita, berkeliaran sana-sini dekat simpang-simpang, dekat lampu merah 'stop-look-go' untuk memberikan keputusan-keputusan nombor-nombor ekor melalui Loteri Kebajikan Masyarakat.

Selain daripada yang dihalalkan untuk Loteri Kebajikan Masyarakat, Tuan Yang di-Pertua, ada juga loteri itu dijual cara belakang. Umpamanya kita belilah loteri itu, 3-4 loteri, ada pula orang yang akan memberi tip-tip, ini nombor-nombornya yang kita boleh dapat, yang kita boleh tahu yang akan kena, tetapi ini kena bayar sekian-sekian banyak dan kemudian dijual, diduplicatekan daripada yang asalnya. Ertinya ini juga merupakan judi tak sah, dibuat, dikendalikan oleh suatu sindiket lain pula, bukan yang ada permit tadi, yang tidak ada permit, dia pun menjual juga tiket-tiket palsu, sudah kedapatan, sudah ditangkap, saya pun tahu.

Lagi satu malangnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka ini menang, mereka akan menggunakan semua cara termasuk cara-cara tahyul, sembelih kepala kambing, sembelih kepala lembu, burung punai, burung layang-layang, dibuatkan mandi, pergi ke kubur-kubur dan yang paling sedih kubur-kubur orang Islam pun dijadikan tempat-tempat untuk mereka memuja-muja hendak mendapatkan nombor-nombor supaya lekas kaya. Ada satu peristiwa berlaku di Johor, anak sendiri dibunuh kerana mereka hendakkan nombor ekor. Jadi, perkara-perkara begini patut kita sekat dari dahulu lagi. Tidak juga mustahil sekarang ini kalau menengok satu peristiwa kemalangan jalanraya, berpusu-pusu orang menonton kemalangan itu dan yang mereka tertarik sangat bukan kepada kemalangan atau kepada jiwa yang sedang terancam, tetapi kepada nombor kereta atau transport yang melanggar itu. Ertinya nombor kenderaan-kenderaan yang accident itu yang didahulukan berebut-rebut ambil nombor.

Saya dapati pihak-pihak akhbar pun tertarik dengan keadaan demikian, kerana kalau dia ambil gambar, dia akan ambil gambar yang ada nombor kenderaan berkenaan itu lebih besar daripada kejadian kemalangan. Saya percaya ini satu provokasi sahaja sebab orang suratkhbar memang suka buat provok kepada masyarakat. Baik ada, tak baik pun ada juga itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya baca lagi daripada Akta ini, didapati kesemuanya adalah merangkumkan denda-denda atau penalti-penalti yang maksima, yang lebih tinggi, yang lebih ketat sebagai satu mandatori atau sebagai pertanda supaya mereka yang rajin sangat menggunakan judi sebagai profesion ini dapat berfikir dua atau tiga kali sewaktu hendak mengendalikan perniagaan judi, judi terbuka, judi tertutup atau mereka yang menjadi anak-anak buahnya atau yang menjadi ahli-ahlinya.

Umpamanya seperti yang disebutkan di sini, iaitu mengenai penalti bagi berbagai-bagai kesalahan yang berhubungan dengan loteri awam dalam seksyen 4(1) iaitu sekarang ini dinaikkan daripada dahulunya \$20,000 kepada \$50,000 dan hukuman penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi 3 tahun. Kita harap dengan ini anak-anak buah, rekrut-rekrut tidak akan berani menjadi orang suruhan atau menjadi alat perkakas kepada boss-boss yang mengetek-ngetek kaki dengan gadis jelita dalam tempat yang berhawa dingin, mungkin di Hongkong, mungkin di Singapura, mungkin di Thailand atau di Bangkok atau lebih jauh daripada itu lagi dan menggunakan rakyat Malaysia yang mungkin dalam kesempitan hidup atau kerana tertarik kepada budaya judi menjadi rekrut-rekrut atau orang-orang suruhan mereka ini.

Mengenai Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 5 Akta untuk meningkatkan penalti maksimum bagi kesalahan-kesalahan mendahulukan wang untuk menubuhkan sebuah rumah perjudian terbuka di bawah Seksyen itu, daripada penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi \$2,000 kepada denda tidak kurang \$5,000 tetapi tidak lebih daripada \$50,000 dan hukuman penjara mandatory selama tempoh tidak melebihi tiga tahun. Ya, saya setuju dengan Akta ini, kerana yang beri duit pendahuluan itu pun ada juga tujuannya, Tuan Yang di-Pertua. Dia melabur untuk mendapat pulangan yang lumayan. Dan bila ada pelabur, maka adalah share holders. Jadi, apabila ada permintaan, apabila ada perbekalan, maka adalah permintaan. Bila ada supply, adalah demand. Jadi, kenalah bunuh ibunya dahulu. Bunuh ibu, insya Allah yang lain itu akan boleh menjadi sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 dan 6 yang bertujuan meminda Seksyen 6 dan 7, di sini disebutkan bahawa perjudian di khalayak ramai di bawah Seksyen masing-masing seperti yang disebut tadi dinaikkan juga dendanya daripada \$2,000 kepada \$5,000 atau penjara selama tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan ini satu hukuman yang sangat adil dan baik. Kita memang menyedari, Singapura telahpun mendahului kita dalam mengetatkan undang-undang perjudian ini setelah mereka mendapati bahawa perjudian boleh merosakkan ekonomi negara mereka dan juga imej negara mereka dan boleh membanyakkan calon-calon penyanyak, penyamun dan mereka yang tidak mengenal peri kemanusiaan. Tetapi memang tidak dinafikan mereka ini akan mencuba sedaya-upaya untuk meneruskan perniagaan yang lumayan lagi mudah ini dan pasti sasaran mereka ialah Malaysia, dan tentunya Kuala

Lumpur akan menjadi sasaran utama. Diharap dengan Akta ini nanti, Kuala Lumpur, pekan-pekan besar seperti Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bharu dan juga pekan-pekan kecil - jangan disangka pekan kecil pun tidak ada. Ada satu pekan kecil dekat Perak, di sana nama Air Kuning pun ada rumah judi. Jadi, ini dapat dibendung dan ini boleh mengait ataupun memelihara rakyat dari terperangkap dengan perkara-perkara yang sia-sia dan untuk mencegah daripada tabiat (behaviour) yang buruk ini yang boleh menyebabkan orang-orang ini akan menjadi orang yang tidak bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang sudah ketagih kepada judi, ada kaitannya dan ada juga persamaannya dengan orang yang ketagih dadah (drug) kerana apabila mereka sudah asyik sangat dengan perjudian, janggut pun dia tidak ingat hendak cukur, pakaian pun dia tidak ingat hendak tukar dan kemudian semua tanggungjawabnya sebagai seorang bapa atau sebagai seorang abang ataupun sebagai seorang ketua keluarga tidak lagi diperindahkan. Bukan orang lelaki sahaja yang boleh berjudi, wanita-wanita pun ada juga yang terlibat di dalam perjudian ini. Saya hendak tanya lagi Timbalan Menteri berkenaan mahjong, macam mana cerita? Adakah permainan mahjong ini tidak termasuk dalam Akta ini ataupun ianya dimasukkan kalau pertaruhan yang berlebihan atau boleh dianggap sebagai satu permainan sukan sahaja? Saya percaya permainan mahjong ini digemari oleh banyak rakyat Malaysia. Dan biasanya mainan mahjong ini yang tertutup itu dalam rumah. Ada biasanya di rumah-rumah atau di restoran-restoran, sebelah belakang. Sebelah depan, restoran-restoran, tetapi dekat belakang, balik belakang, ada mahjong. Setengahnya itu dihadapan dia menjual alatan cantik, seolah-olah business harian sahaja, tetapi di atas loteng ada meja-meja mahjong yang banyak dan kadang-kadang

menimbulkan huru-hara, pergaduhan sesama sendiri kerana kalah menang kerana ada tipu atau ada cheating dalam masa permainan dibuatkan.

Tuan Yang di-Pertua, macam mana pula dengan mainan terup yang bertaruh? Salah satu permainan ini, saya rasa namanya poker, permainan poker dengan daun terup. Jerami ini tidak mengapalah? Ia juga ada bertaruh. Main jerami, saya tahu sebut sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pandai main jerami, tetapi saya tengok ada kawan-kawan yang bukan main pandai main jerami. Satu malam, Tuan Yang di-Pertua, boleh dapat \$10,000. Permainan ini dianggap macam persahabatan, sementara hendak menunggu kapal terbang atau sementara hendak menunggu masa hendak bercakap atau lain. Tetapi yang poker ini, Tuan Yang di-Pertua, disusun (organised) dengan begitu baik, begitu teratur, ada pasukan-pasukan, pasukan ini, pasukan ini bermain.

Begitu juga main billiard pun ada pertaruhan-pertaruhan tertentu juga, pasukan lawan pasukan. Kemudian selain daripada perkara-perkara yang demikian ini, main dam, main catur, kalau main catur itu mempertaruhkan wang ribuan-ribuan, adakah kaitan dengan undang-undang ini? Ribuan-ribuan, Tuan Yang di-Pertua, seorang sahabat saya pernah jadi juara main catur untuk Malaysia dan Singapura. Bila sampai ke Filipina, balik sehelai sepinggang. Kami balik sehelai sepinggang kerana lari daripada pemberontak. Bila kami dapat tahu kami hendak ditawan sebagai orang tebusan. Maka dengan pertolongan Datuk dan Tan Sri, kami lari sehelai sepinggang, tetapi kawan saya ini balik ke Malaysia sehelai sepinggang ialah kerana dia kalah main catur iaitu pertaruhannya lebih kurang dalam 10,000 peso. Saya tidak tahu berapa nilai dalam wang Malaysia. Dia

balik ke Malaysia pun melalui seorang sahabat ia balik ke sini, dan balik ke sini terpaksa jual harta bendanya semua. Jadi ini macam mana ceritanya? Mungkin agaknya titik bengik sedikit, tetapi biarlah kita sediakan payung sebelum hujan. Tetapi mainan catur ini banyak gunanya, dari segi pemikiran. King-king dahulu, Raja-raja dahulu dia main catur, sambil main catur dia akan berbincang hal-hal politik dan kenegaraan. Jadi, saya tidak begitu memahami keadaan-keadaan ini. Yang saya maksudkan jenis-jenis pertaruhan, jenis-jenis pertaruhan yang mana yang haram, jenis-jenis pertaruhan mana yang halal? Jadi, itu sahaja saya hendak minta penjelasan.

Kemudian, mengenai perkara 6 Fasal 8, bertujuan meminda Seksyen 9, Akta untuk meningkatkan penalti maksimum bagi kesalahan-kesalahan membeli tiket-tiket loteri haram. Di bawah Seksyen itu, daripada denda tidak melebihi \$2,000 kepada denda tidak melebihi \$5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya. Saya telah menyebutkan bagaimanakah sindiket-sindiket telah menggunakan tiket loteri ini secara haram. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan apabila Akta ini telah diluluskan, ianya akan dapat meredakan budaya judi di negara kita dan akan dapat menyekat kesukaan, kegemaran seseorang yang menjadikan judi mata pencarian mereka.

Tadi, dalam penerangan Timbalan Menteri ada menyebutkan mengenai nilai matawang yang turun di Malaysia dan ini akan menjejaskan juga keadaan perekonomian dengan pertaruhan-pertaruhan judi yang berkenaan. Dan kita harap atas kesedaran daripada pihak Kementerian yang berkenaan maka perkara-perkara yang kita bimbangkan akan dapat dikawal dan akan dapat berjalan dengan baiknya. Cuma dalam pelaksanaannya nanti tidakkah Kementerian terpaksa menambah

pegawai-pegawai lagi untuk meneliti segala Akta ini dituruti. Kalau sekiranya tidak ada susulan (follow up) maka kita bimbang perkara ini tidak dapat dijalankan sewajarnya, sebab mereka yang sudah menjadikan judi ini sebagai hidup matinya, sudah tentu akan mencari jalan, akan mencari lobang-lobang, akan mencari ikhtiar akan sumbat saha, maksud saya, akan menggunakan berbagai-bagai cara sama ada secara rasuah ataupun secara tektik-tektik dan tenik mereka untuk melanjutkan usaha-usaha perjudian mereka ini.

Di samping itu, saya ingin bertanya judi Empat Ekor sehingga ini berapa banyak yang telah diluluskan perमितnya dan yang telah diluluskan itu adakah atau tidak orang Islam yang menjadi tuannya. Adakah orang Islam terlibat, nanti sahabat saya Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah fahamlah apakah hukuman baginya. Saya hanya hendak tahu sahaja, tidak pandai saya hendak menghukum kerana hanya Allah taala yang Maha Mengetahui segala-galanya. Dan tidak pula bermakna kita hendak merendah-rendahkan mereka yang mempunyai permit yang berkenaan, kerana dalam Islam pun ada banyak liku-liku perundangannya. Saya hanya hendak tahu sahaja tentang judi Empat Ekor, permit judi ekor itu.

Dengan adanya Undang-undang ini apakah casino di Genting Highlands termasuk di dalam istilah rumah perjudian. Sebab casino di Genting Highlands itu merupakan pendua kepada Monte Carlo iaitu sebuah tempat perjudian yang termasyhur di dunia. Jadi, itulah beberapa perkara yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan supaya kami lebih memahami masalah-masalah yang boleh menjejaskan kewibawaan negara kita **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kepada mereka yang menjadi "bapak-bapak" penganjur, kata orang kebanyakan "bapak-bapak", ertinya "bos-bos besar" yang menganjurkan, yang menyalurkan berkenaan dengan membuka judi di khalayak ramai, membuka rumah perjudian, mengaturkan pertaruhan-pertaruhan, yang sebaik-baiknya hukuman itu mengatasi cadangan hukuman itu lagi. Kalau setakat hukuman \$50 ribu, dia itu jutawan dan bagi jutawan \$50 ribu itu

macam 50 sen sahaja kepada dia. Saya rasa ada baiknya juga Akta ini dibuat khusus untuk babap-bapak penganjur judi ini lebih ketat lagi, lebih tinggi lagi penaltinya kerana mereka inilah yang merupakan orang-orang yang menjadi "master mind" iaitu orang-orang yang menjadi tukang tarik tali kepada wayang kulit atau dalang-dalang yang menyebabkan merebaknya perjudian di negara kita ini. Walau bagaimanapun, cadangan ini saya rasa boleh dipertimbangkan di lain pindaan. Mungkin sekarang kita tidak dapat membuat pindaan di atas pindaan, kerana saya pun belum bersedia mengemukakan pindaan dalam pindaan untuk Akta berkenaan yang memerlukan diikuti peraturan-peraturan tertentu.

Saya faham peraturan itu, tetapi saya hanya ingin memberikan peringatan supaya bos-bos ini seperti juga bos-bos pengedar dadah tidak akan memetik buah dengan lazatnya menikmati keuntungan yang begitu lumayan dengan mempertarungkan untung nasib orang—orang yang hidupnya meleset dan menyebabkan beberapa gejala-gejala yang tidak sihat dalam masyarakat, terutamanya masyarakat kota dan masyarakat luar kota di negara kita Malaysia ini.

Kita dapati negara-negara yang membenarkan judi terbuka, judi tertutup selalu menghadapi perkara-perkara yang tidak stabil dalam pentadbiran negaranya, dalam pentadbiran sosialnya atau pembangunan sosial di negaranya. Kita telah dapat mencontohi dan mendapat maklumat daripada negara-negara yang berkenaan, Maka adalah diharapkan pindaan ini akan dapat membendung semua kebimbangan yang ada di kalangan rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian dan yang lebih pro kepada berdikari secara halal selain daripada mendapatkan "wang terpijak" dalam perjudian.

Demikian juga kita harap masalah "lumba kuda" yang ada di dalam

bandaraya Kuala Lumpur ini haruslah dipindahkan jauh-jauh dari bandaraya. Biarlah duduk di hujung-hujung negeri, dekat Puchong, atau dekat mana-mana tempat yang sukar untuk didatangi. Sebabnya ini menjadi satu perkara yang akan menjejaskan imej juga kalau di kawasan bandaraya yang sesak begini kita adakan lumba kuda, walaupun ada banyak yang cenderung dan membuang masa menjadikan lumba kuda ini sebagai satu hiburan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertandingan lumba kuda, ada kajadian bunuh. Apabila didapati joki itu seorang yang bijaksana dan kalau dia menunggang seseekor kuda itu kuda itu menang, ada sindiket yang membuat kerja membunuh joki yang berkenaan. Demikianlah bahayanya judi-judi ini walaupun lumba kuda itu merupakan satu judi hiburan kepada orang-orang kaya yang tak tahu ke mana hendak dihalakan duit mereka. Hendak bagi rakyat, dia bakhil, dia tidak mahu. Untuk membantu negara dalam kemiskinan pun dia tidak mahu ikut serta, minta derma dia kedekut, tetapi kalau buang duit di gelanggang kuda, bila-bila masa sahaja, termasuk juga antaranya dari kalangan kaum yang sejenis dengan saya. Tetapi kita tidak berhak sebagai sebuah negara yang demokrasi, membendung atau mengecam mereka begitu sahaja tanpa melalui akta, perlembangaan dan perundangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan sepenuh dan setinggi langit, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan sebuah pantun yang berbunyi:

Pandang ke timur, pandang ke barat,

Membawa Malaysia makmur sejahtera,

Ketagih judi amat mudarat,

Merompak-menyamun, anak-isteripun dilupa.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sesiapa lagi yang hendak membahas dipersilakan. Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Ujang.

**6.17 ptg.**

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana saya diberikan peluang untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk membincangkan Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan).

Sebenarnya, saya tak berani hendak bercakap fasal suara sava tak berapa kuat oleh kerana terkurung di Manila tempoh hari [**Ketawa**]. Jadi, makan tak cukup, minum tak cukup. [**Ketawa**] Jadi akibat daripada kejadian itu, sampai hari ini leher saya masih sakit lagi. Tetapi oleh kerana memandangkan Akta ini perlu untuk kita bersama-sama mengambil bahagian, mudah-mudahan pandangan-pandangan dan perbincangan yang kita dedahkan dalam Dewan yang mulia ini akan diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan, sekurang-kurangnya dapat dikurangkan keadaan yang ada.

Jadi, daripada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kita berhubung dengan Akta **ini**, saya nampak dari nada suara yang dikeluarkannya, maka seolah-olah kepuasannya tidak ada. Sebab, saya percaya kerana beliau seorang Islam dan beliau dipertanegunaiawabkan di dunia dan di akhirat dan beliau akan dipertanyakan oleh Allah. Beliau tak boleh lari, beliau akan disoalkan oleh Allah taala kerana beliau yang bertanggungjawab. Jadi nampak nada suaranya itu tak puas. Seolah-olah beliau tidak

berapa berani hendak menyatakan benda-benda ini, tetapi oleh kerana tanggungjawabnya sebagai Timbalan Menteri Kewangan yang terlibat dalam Akta ini, mahu atau tidak, beliau terpaksa bercakap juga. Jadi, saya nampak keadaan itu. Tetapi yang sedapnya orang 'tukang bantai'.

Ahli Yang Berhormat di sebelah saya yang baru bercakap tadi, beliau boleh menjerit kerana beliau diberi peluang untuk sama-sama membahas. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab itu nampak 'slow', dengan izin. Jadi, saya nampak bahawa kita yang diberi tanggungjawab ini amat berat untuk mendedahkan Rang Undang-undang Perjudian ini, kerana perjudian ini dari segi agama Islam, walau macam mana sekalipun tidak ada undang-undang yang hendak dibuat kerana keseluruhan judi itu sudah jatuh haram. Jadi, oleh kerana perjudian ini telah bermaharajalela dan telah menjadi satu bahagian dalam kehidupan manusia termasuk di dalam negara kita Malaysia, walaupun kita telah meletakkan Agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara, tetapi perjudian ini belum dapat kita bendung dan belum dapat kita hapuskan secara menyeluruh. Tetapi cuba dibuat secara beransur-ansur, untung-untung dengan secara beransur-ansur ini akan mula hapus satu demi satu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak beritahu Kementerian berkenaan bahawa perjudian ini nampaknya ada kategori dia. Tetapi sayang, dalam pembentangan daripada pihak Timbalan Menteri tadi tidak menyenaraikan judi-judi ini. Saya minta disenaraikan judi-judi mana dimaksudkan untuk rumah terbuka **ini**. Jadi, judi ini nampaknya sebagaimana kata rakan saya yang baru tadi semua orang tahu daripada pihak kanak-kanak lagi sampai orang tua, tahu tentang judi ini berbagai-bagai cara. Cuma sekarang ini saya minta pihak Kementerian menyenaraikan apakah perjudian-perjudian yang halal dan perjudian yang haram. Pada saya perjudian ini tidak ada yang halal melainkan semuanya haram. Cuma sekarang ini judi yang mana yang boleh diamalkan oleh rakan-rakan kita yang bukan Islam.

Kalau itu boleh ditekankan secara menyeluruh, saya menyokonglah pihak Kementerian. Sebab yang hendak disekat ini selain daripada merbahaya dia, ada pula kehalalan dari segi kaum yang duduk dalam negara kita **ini**. Jadi bagi orang Islam macam Genting Highland yang dimaksudkan dulu semua halal, orang Islam pun pergi, orang yang bukan Islam pun pergi. Tetapi setelah dibuatkan Rang Undang-undang bahawa orang Islam tidak boleh pergi dalam kawasan itu dan kalau ada yang dapat dikesan, kita tangkap dia, bicarakan dia dan dendakan dia.

Jadi, apa salahnya kalau pihak Kementerian ini buat judi-judi yang lain ini juga. Maknanya kita beri kuasa kepada Jabatan-jabatan

yang difikir akan kita beri kuasa untuk menangkap orang-orang **ini**. Sebab judi ini Kerajaan tahu, hendak hapus tidak boleh. Yang menjadi permasalahan ialah orang-orang yang beragama **Islam**.

Jadi, saya cakap dalam Dewan yang mulia ini supaya saya jangan terlibat mendedahkan bahawa perjudian ini orang Islam boleh buat. Sebab itu saya tekankan dalam Dewan ini; Tuhan saksi ini, bahawa perjudian bagi orang Islam tidak ada yang halal, semuanya haram. Cuma perundangan ini mungkin kita boleh laksanakan untuk kaum-kaum yang lain. Jadi kalau ini boleh diberi satu kesimpulan oleh pihak Kerajaan kita, kita syukur kerana Kerajaan kita hari ini ialah Kerajaan yang mendukung agama Islam. Jadi kalau ini boleh kita buat, akan melenyapkan tuduhan-tuduhan dan pekikan-pekikan parti-parti Pembangkang. Parti-parti yang ingin melihat bahawa kita boleh membendung perjudian ini; kalaulah kita kata kita tidak boleh bendung menyeluruh, tetapi kita beri sekatan kepada umat Islam, tidak kita benarkan langsung berjudi dalam masalah ini maknanya Nombor Ekor, Tiga Ekor, Kuda, TOTO; apa benda lagi. Banyak benda lagi yang saya tengok, ini orang Islam sampai tidak tahu lagi tanggungjawab dia. Saya tidak hendak menyentuh kaum lain kerana kaum lain dia anggap judi ini halal pada dia. Jadi kita tidak boleh useklah. Cuma sekarang ini kita hendak buat kawalan.

Satu lagi saya hendak tanya Kementerian yang berkenaan, siapa yang hendak menjalankan Akta ini, yang hendak melaksanakan judi ini. Saya takut, orang yang melaksanakan Akta ini nanti, atau orang yang diberi tanggungjawab Akta ini, orang ini pun sana berjudi. Ini yang jadi masalah. Orang yang kita beri tugas, dia berjudi sama. Jadi

kalau **itu**, nampaknya kita gagal dalam meminda Akta **ini**. Yang kita mahu orang yang diberi tugas ini dia tidak berjudi sebab judi ini menyeluruh. Ada orang dia bercakap dalam judi tetapi dia puh berjudi. Ini yang susah. Serupalah macam orang yang bercakap tentang maksiat. Dia bercakap tentang maksiat tetapi dia buat maksiat. Jadi makna tidak ada erti dia bercakap. Yang kita hendak cakap ini ialah benda yang kita sendiri boleh tahan diri kita tidak buat baru kita boleh cakap.

Jadi, tentang perjudian ini, huraian judi sudah rakan saya tadi telah memberi penerangan, saya tidak payah ulang balikhlah. Cuma yang saya nampak ini bahaya-bahaya judi ini amat ketara sekali. Memang ketara. Sebab itu Islam melarang, Islam suruh hamba dia, Allah s.w.t. suruh hamba dia di muka bumi ini rajin bukan jadi orang malas, jadi orang yang ikhlas, bukan jadi orang penipu dan jadi orang yang baik. Satu daripada gejalanya iaitu saya nampak bahaya judi ini dia membawa rakyat menjadi malas. Judi ini membawa manusia menjadi malas. Saya nampak orang berjudi ini semua malas. Kerana dengan kerja yang senang, yang mudah, tulis nombor dekat kertas, boleh dapat duit. Yang kita menitik peluh ke bumi belum tentu dapat duit. Ini membawa rakyat jadi malas.

Sebab itu saya kata, kalau Kerajaan hendakkan rakyat Malaysia ini rakyat dia rajin dan bagus apa takut, tentang hendak baramkan judi, Tidak ada apa untung banyak pun. Apa ada untung banyak. Ini bertambah-tambah saya tengok Nombor Empat Ekor ini ke pekan-pekan kecil pun memang banyak. Baru-baru ini pula Tiga Ekor Kuda ini pun sudah secara terbuka juga perjudian. Jadi, saya nampak Majlis-

majlis Daerah ataupun Perbandaran-perbandaran mengeluarkan lesen dengan sewenang-wenangnya. Dalam sepuluh buah kedai, tiga kedai judi! Jadi, rakyat hendak jadi apa sekarang. Jadi kita lelap mata, bantal dek orang kita marah. Itu sebab orang PAS tutuh kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim, saya fikir masa sudah sampai.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada lagi sedikit masa, bukan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya tidak nampak dari sini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Ada sedikit masa, tiga atau empat minit lagi. Cukupkah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup. Boleh sambung esok.

**Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:** Insya Allah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ini sehingga hari esok jam 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

